

**INVESTIGATION ON THE ELEMENTS OF MALAY LANDSCAPE  
DESIGN  
( KAJIAN ELEMEN REKABENTUK LANDSKAP MELAYU )**

**ABDULLAH SANI AHMAD  
JAMIL ABU BAKAR  
FAWAZUL KHAIR IBRAHIM**

**RESEARCH VOTE NO :  
74226**

**Jabatan Senibina,  
Fakulti Alam Bina,  
Universiti Teknologi Malaysia**

**DISEMBER 2006**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah dengan izin Allah dan berkat doa kehadiran Ilahi dapat kami menyempurnakan penyelidikan ini. Sekalung budi dan jutaan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina. Terima kasih juga kepada pembantu penyelidik En. Hazel Khamis, Ahmad Zukhairi Sulaiman dan Sharifah Lily Norbieana Zaiduna dalam membantu menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, rakan-rakan dan penduduk-penduduk kampung yang sudi membantu dan bekerjasama secara langsung atau sebaliknya sehingga berjaya menyempurnakan hasrat saya akhirnya.

## ABSTRAK

Penyelidikan karektor landskap Melayu ini meliputi senibina lanskap yang berteraskan kepada fungsi dan budaya Melayu. Karektor ini terdiri daripada dua komponen penting dalam pembentukan landskap Melayu iaitu tanaman dan perabot laman. Setiap komponen ini mempunyai nilai budaya dan kesenian tersendiri, mempamerkan simbol budaya Melayu yang wujud di dalamnya. Nilai Melayu yang tertakluk kepada kepercayaan, alam fikir dan budaya fikir masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan adat dan budaya kehidupan Melayu menjadi asas kepada kosmologi Melayu. Ini ditunjukkan secara tersirat melalui aspek rekabentuk, kesenian, susunatur, simbol dan fungsi. Elemen-elemen yang terdapat di persekitaran kawasan kediaman Melayu mempunyai nilai dan simbolisme yang tersirat yang dapat difahami dengan penghayatan terhadap maksud yang hendak disampaikan sama ada dari aspek budaya mahu pun fungsinya. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam mengenalpasti elemen dan komponen landskap Melayu secara fizikal mahupun metafizikal. Kaedah kualitatif merangkumi aspek simbolisme dalam landskap Melayu yang diperolehi melalui pemerhatian dan temubual yang dibuat terhadap penghuni rumah kajian. Kaedah kuantitatif pula digunakan untuk mendapat taburan komponen-komponen yang terdapat di dalam kediaman rumah Melayu bagi menentukan jenis, fungsi dan kesamaan secara keseluruhan. Data-data yang diperolehi daripada penyelidikan ini, memperjelaskan terdapatnya fungsi dan makna tertentu dalam setiap elemen-elemen landskap persekitaran yang secara tidak langsung membuktikan kewujudan landskap Melayu. Di akhir penyelidikan, beberapa karektor landskap Melayu dikenalpasti sebagai panduan merekabentuk sebuah landskap Melayu yang bersesuaian mengikut keadaan semasa.

## **ABSTRACT**

This Malay landscape character research cover landscape architecture with the foundation of functions and Malay culture. Two main components that lead to developing Malay landscape architecture are plants and landscape furnitures. These components consist of culture and artistic values that potray the Malay symbolism. Values on belief, world of thought and the culture had been the base of Malay cosmology. These values are indirectly defined by the design, art, composition, symbol and function. These elements also consist of indirect values and symbolism that can be ascertain through the perception of meaning that are meant to be delivered either in the aspect of culture or function. The qualitative and quantitative methods had been used to determine the elements and components of the Malay landscape either in physical or metaphysical form. The qualitative method focused on the symbolism in the Malay landscape through inventories and interviews with the respondent. Quantitatively, the research evaluate the statistic of landscape components that indicate the typology, function and the overall resemblance. The research data also define the existence of Malay landscape architecture from these values. Lastly, the characteristic of Malay landscape that had been identified will be used for the guideline of Malay landscape design that are relevent in the present environment.

## KANDUNGAN

Borang Pengesahan Status	
Judul	
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Kandungan	v
Senarai rajah	vii
Senarai gambar	ix
Senarai jadual	x

### **BAB 1        PENDAHULUAN**

1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Definisi Terminologi	5
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Struktur Kajian	11

**BAB 2 KAJIAN ILMIAH**

2.0 Pengenalan	13
2.1 Sumber Kajian Ilmiah	15
2.1.1 Manuskrip Melayu Lama	15
2.1.2 Hikayat Melayu	20
2.1.3 Puisi (pantun) Melayu	20
2.1.4 Senibina Melayu	23
2.2 Alam dan Adat Kebudayaan Melayu	25
2.3 Landskap Budaya	28
2.4 Rumusan	32

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	35
3.1 Skop Kajian	36
3.2 Pemilihan Metodologi Kajian	36
3.2.1 Pengimbasan Metodologi berkaitan	36
3.2.2 Persoalan Kajian	40
3.3 Metodologi Kajian	42
3.3.1 Pendekatan Kajian	42
3.3.2 Pendekatan Secara Kualitatif dan Kuantitatif	43
3.3.3 Kajian Kes	44
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	45
3.4.1 Fokus Temubual	46
3.4.2 Kaedah Inventori	47
3.5 Kaedah Analisa Data	48
3.6 Rumusan	52

**BAB 4 KAJIAN KES**

4.0 Pengenalan	53
4.1 Kajian Kes	53
4.2 Kriteria kajian kes	54
4.2.1 Struktur Fizikal	55
4.2.2 Ruang	57
4.2.3 Elemen Semulajadi	61
4.2.4 Elemen Budaya	63
4.3 Rumusan	66

**BAB 5 ANALISA KAJIAN**

5.0 Pengenalan	68
5.1 Analisis Tinjauan	68
5.1.1 Kajian Makro Persekitaran	69
5.1.2 Kajian Secara Mikro	74
5.2 Rumusan	81

**BAB 6 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

6.0 Pengenalan	82
6.1 Lanskap Melayu	82
6.2 Karektor Lanskap Melayu	85
6.2.1 Susunatur Ruang	87
6.2.2 Susunatur Tanaman	95
6.2.3 Susunatur Perabot Laman	98
6.3 Tipologi Ciri-ciri Karektor Lanskap Melayu	99

6.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan	101
6.5 Rumusan	101
<b>BIBLIOGRAFI</b>	104
<b>LAMPIRAN</b>	110



**SENARAI RAJAH**

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.0	Sistem perletakan telaga di atas tapak yang dipilih	16
2.1	Upacara selamatan memilih tapak rumah	18
2.2	Sistem perletakan telaga dan tanaman	19
2.3	Hubungan struktur rumah Melayu dengan struktur manusia	24
3.0	Model Layer-Cake Relationship	49
3.1	Kaedah lapisan bagi mengenalpasti karektor lanskap Melayu secara keseluruhan	50
3.2	Konsep kaedah lapisan yang digunakan untuk mengenalpasti karektor lanskap Melayu	51
4.0	Konsep pelan struktur ruang dalam lanskap Melayu	57
5.0	Peringkat pengaruh persekitaran terhadap konteks komponen dan elemen lanskap kediaman rumah Melayu	70
6.0	Hubungan kehidupan Melayu dengan persekitaran	86
6.1	Pengaruh fungsi ruang rumah kediaman terhadap kawasan persekitaran di kampung	87
6.2	Gambaran pembahagian laman sisi sebagai ruang perantara	93

## SENARAI GAMBAR

NO.	TAJUK	HALAMAN
2.0	Panel ukiran dinding	25
2.1	Jelapang padi	31
2.2	Guri	31
2.3	Perigi	31
2.4	Bangsai	31
2.5	Tandas	31
2.6	Pangkin	31
4.0	Kg. Ulu Melaka Langkawi	56
4.1	Kg. Sg. Kual, Pontian, Johor	56
4.2	Kg. Baru Nyalas, Jasin, Melaka	58
4.3	Pokok bunga kertas	58
4.4	Pokok puding	58
4.5	Pangkin	59
4.6	Pangkin	59
4.7	Rumah padi	59
4.8	Jelapang	59
4.9	Pokok pisang	60
4.10	Serai dan kunyit	60
4.11	Kolam	60
4.12	Bangsai	60
4.13	Tandas	61
4.14	Ruang Mandi	61

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
4.15	Pokok bunga jenjarum	62
4.16	Pokok bunga kenanga	62
4.17	Pokok mangga sebagai teduhan	62
4.18	Pokok pisang dan serai	63
4.19	Pokok pandan	63
4.20	Sirih junjung	65
4.21	Perarakan sirih junjung	65
6.0	Aktiviti yang menggunakan bahan alam sebagai alat permainan	84
6.1	Aktiviti melibatkan elemen alam sebagai sokongan	84
6.2	Permainan menggunakan elemen alam dan dalam lingkungannya	85
6.3	Pemandangan kawasan kediaman dari arah pandangan 1 dan komponen-komponen yang terdapat di sekitarnya	88
6.4	Pemandangan kawasan kediaman dari arah pandangan 2 dan komponen-komponen yang terdapat di sekitarnya	89
6.5	Gambaran aktiviti dan pemandangan laman hadapan	90
6.6	Kediaman di Kuala Pilah, Negeri Sembilan	91
6.7	Kg. Gadek, Alor Gajah, Melaka	92
6.8	Gambaran aktiviti dan pemandangan laman sisi	92
6.9	Pangkin ditempatkan di bawah pokok di laman sisi	94
6.10	Komponen-komponen laman yang mempunyai kesinambungan antara laman depan dan belakang	94
6.11	Pokok manggis sesuai untuk teduhan dan tempat beristirehat	96
6.12	Pokok rambutan sesuai sebagai teduhan disebabkan keluasan lindungannya	97

## SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	HALAMAN
1.0	Carta Carl Sauer menunjukkan elemen-elemen dalam landskap budaya	10
3.0	Jadual karektor Melnick menerangkan sejarah sesebuah daerah dengan mengambilkira jenis maklumat yang perlu dicari.	37
3.1	Pendekatan Paine dan Taylor (1995)	38
3.2	Jadual menunjukkan hubungan antara karektor Melnick dengan komponen perancang lanskap budaya iaitu alam, budaya, pemerhatian dan makna.	39
3.3	Jadual perabot laman mengikut kawasan kajian yang dipilih	44
5.0	Jadual karektor Melnick dan empat komponen bagi lanskap budaya iaitu alam semulajadi, budaya, pemerhatian dan makna	71
5.1	Senarai tanaman kawasan kediaman mengikut fungsi dan ruangnya	75
5.2	Peraturan taburan tanaman mengikut kategori bagi lima buah kampung di negeri Kedah	77
5.3	Peraturan taburan tanaman mengikut kategori mengikut negeri	77
5.4	Taburan perabot laman mengikut ruang halaman rumah berdasarkan fungsinya	79
5.5	Jadual peraturan taburan perabot laman yang masih terdapat di persekitaran kediaman	80

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Latar belakang kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti dan mengetengahkan karektor landskap Melayu yang semakin hilang ditelan zaman. Landskap adalah persekitaran yang diolah dan ditafsirkan melalui persepsi manusia. Ini dinyatakan oleh Appleton (1980) yang menyatakan bahawa landskap bukan sinonim dengan alam persekitaran, tetapi alam adalah satu persepsi melalui pandangan mata. Begitu juga dinyatakan oleh Macia's (1979) iaitu alam persekitaran bukan sebuah landskap kecuali ianya ditafsirkan oleh seseorang. Selain itu, landskap merupakan satu corak kehidupan. Ianya diolah mengikut adat dan budaya sesuatu bangsa itu. Menurut Mitchell dalam bukunya yang berjudul 'Power and Landscape' (1994) menyatakan bahawa landskap adalah amalan budaya, suatu tempat aktif yang mana boleh diambil kira sebagai proses untuk mengenali antara satu dengan yang lain. Selain itu, beliau mencadangkan bahawa landskap mambantu kepada proses pembentukan sosial dan identiti yang subjektif.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas menunjukkan bahawa landskap mempunyai perkaitan rapat dengan budaya. Kalau dilihat pada skop budaya, ianya meliputi banyak aspek. Ini telah dinyatakan oleh Edward B. Tylor (1871) iaitu budaya adalah suatu yang kompleks secara keseluruhannya yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan perilaku yang diperlukan oleh

seseorang untuk menjadi sebahagian daripada komuniti. Ini disokong dengan kenyataan yang dibuat oleh Ernest Schusky et. al. (1987) iaitu budaya adalah satu konsep perilaku manusia.

Carl Sauer (1925) berpendapat bahawa landskap budaya adalah olahan alam semulajadi oleh satu golongan budaya. Budaya sebagai ejen, alam semulajadi sebagai satu alat menghasilkan landskap budaya. Pendapat ini menyatakan bahawa setiap golongan masyarakat di dunia ini mempunyai identiti, budaya dan karektornya yang tersendiri untuk membezakan antara satu dengan yang lain. Melalui penulisan Zaharah (2004) yang telah mengungkap kenyataan Peter Hagget (1975) bahawa golongan masyarakat manusia dikarektorkan melalui struktur organisasi masyarakat, teknologi kebendaan, bahasa, keagamaan, kepercayaan, institusi, budaya dan kumpulan genetik. Secara kualitatifnya, maka alam persekitaran yang didiami oleh satu golongan masyarakat itu akan mempamerkan impak kebendaan melalui mantifak, sosiofak dan artifak yang dipunyai oleh sesebuah komuniti. Kenyataan ini menjelaskan bahawa sesebuah masyarakat itu mampu untuk mempengaruhi persekitaran dengan faktor-faktor budaya seperti adat, kepercayaan dan pemikiran. Ini dapat dilihat dalam persekitaran dunia Melayu yang penuh dengan adat istiadat, adat resam, budaya dan kepercayaan yang telah lama diamalkan turun-temurun. Impaknya termasuk dalam landskap persekitaran kehidupan masyarakat Melayu yang bergantung hidup dengan alam persekitaran.

Setiap landskap budaya di dunia ini mempunyai karektornya tersendiri. Demikian juga bagi landskap Melayu yang mempunyai komponen budaya dan agama sebagai tunggakunya. Landskap Melayu mempunyai karektornya yang tersendiri berdasarkan kepada budaya yang diamalkan oleh bangsa Melayu. Ianya berbeza dengan budaya-budaya lain yang memberi penekanan kepada satu aspek sahaja dalam rekabentuk landskap. Misalnya landskap Bali yang popular sekarang ini, menekankan kepada kepercayaan dan keagamaan. Setiap olahan dan penggunaan bahan dalam rekabentuk landskap menjurus kepada konsep pemujaan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan seni landskap dalam alam Melayu dan mengenalpasti karektor-karektornya. Kajian terhadap landskap budaya Melayu ini diharap dapat mengenali identiti budaya Melayu dan juga berkemungkinan akan digunakan sebagai kerangka senireka landskap kebangsaan.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Landskap budaya adalah alam persekitaran yang mempunyai hubungan erat antara alam persekitaran dengan aktiviti manusia yang mewujudkan ekologi, sosioekonomi dan corak budaya (Farina, 2000). Kenyataan Di Castri (1998) dan Naveh (1994) pula menyatakan bahawa semenjak beberapa dekad yang lalu, penglobalisasian ekonomi dunia telah mewujudkan mekanisma perubahan dan rejim gangguan terhadap landskap dunia yang mana mengakibatkan peningkatan kepada risiko kehilangan dan ketandusan sumber. Sumber yang dimaksudkan di sini adalah sumber alam semulajadi yang mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan manusia sama ada dari segi fungsi atau nilainya terhadap budaya sesuatu masyarakat itu.

Dalam konteks negara Malaysia, pembangunan yang berlaku semenjak kemerdekaan iaitu dari struktur masyarakat, ekonomi, pendidikan, seni bina dan infrastruktur memberi impak besar terhadap konteks persekitaran. Di tambah pula dengan penglobalisasi dunia yang secara tidak langsung menjadikan negara ini semakin kompleks dari segi pengaruh budaya, pemikiran, kepercayaan dan struktur organisasi masyarakat yang menyebabkan perubahan-perubahan pada sosioekonomi, sosiobudaya dan konteksnya. Seterusnya ia memberi impak perubahan pada karektor budaya Melayu yang mana ia adalah sebagai teras kepada identiti bangsa.

Identiti bangsa boleh kita lihat dari pelbagai perspektif. Antaranya adalah dari segi kebudayaan, adat istiadat, seni halus dan seni bina, landskap, pakaian fabrik, permainan, peralatan pertukangan dan pertanian. Dalam kajian ini, identiti bangsa dilihat melalui karektor dalam rekabentuk landskap Melayu. Menurut Lynch (1960) mendefinisikan identiti sebagai tahap kemampuan seseorang mengenal dan mengingat sesuatu tempat sebagai istimewa daripada tempat yang lain secara jelas, unik atau memiliki karektor yang tersendiri. Ini disokong dengan penafsiran yang dibuat oleh Shuhana (1997) menyatakan bahawa identiti merupakan suatu kualiti yang menjadikan sesuatu tempat itu dikenali, hasil dari keistimewaannya berbanding dengan tempat-tempat lain. Apa yang dimaksudkan kualiti di sini adalah keistimewaan karektornya mempengaruhi persepsi seseorang untuk mengingat dan membezakan dengan sesuatu yang lain. Melalui definisi-definisi yang telah dinyatakan di atas, jelas membuktikan identiti suatu kawasan itu mempunyai perkaitan erat dengan karektor yang terdapat di persekitarannya.

Karektor berubah mengikut peredaran masa dan pembangunan yang berlaku di sekitarnya. Perubahan ini melibatkan pembangunan sosial, ekonomi, politik, pendidikan, teknologi, kesenian dan akitektur. Perubahan-perubahan ini telah sedikit sebanyak mengakibatkan karektor sesuatu tempat itu semakin hilang.

Terdapat beberapa permasalahan lain dalam kajian yang dijalankan iaitu seperti bahan-bahan bertulis untuk rujukan, pengaruh sosial dan pembangunan persekitaran. Walau bagaimanapun, pendekatan kepada pemahaman landskap Melayu adalah dengan melalui bahan penulisan puisi, cereka dan hikayat yang menggambarkan persekitaran alam Melayu. Ini merupakan proses awal dalam merangka ciri-ciri landskap Melayu. Seterusnya pemahaman tentang budaya Melayu itu sendiri menjadi asas untuk mengaitkan kepada hubungan budaya Melayu dengan alam persekitaran. Faktor lain yang menjadi permasalahan dalam kesinambungan landskap Melayu adalah pengaruh sosial. Pembangunan sosial yang mendadak iaitu dari segi struktur sosial, pemikiran dan kepercayaan, mengakibatkan sebahagian daripada elemen-elemen dalam identiti bangsa tercicir dan hilang. Pembangunan persekitaran secara menyeluruh seperti kemudahan asas, susunatur rumah dan komposisi ruang dalam kawasan kediaman telah mengikis nilai-nilai dan elemen-elemen budaya yang ada dalam dunia persekitaran Melayu. Entiti-entiti budaya seperti perabot laman semakin hilang dari pandangan mata. Ini berkemungkinan kerana fungsi dan penggunaannya tidak relevan lagi dengan cara hidup dan status kehidupan semasa. Perubahan ini menyukarkan lagi kajian ini bagi mengenalpasti elemen-elemen landskap Melayu. Oleh yang demikian, perbandingan kajian kes di Semenanjung Malaysia diperlukan untuk rangkaian elemen-elemen yang masih ada bagi membuktikan kewujudan senibina landskap dalam dunia Melayu dan mengenalpasti karektor yang ada.



## 1.2 Objektif kajian

Hala tuju kajian ini adalah untuk mencari dan membuktikan kewujudan seni taman Melayu yang mempunyai pengaruh budaya dan adat-adat yang diamalkannya. Ini bersesuaian dengan objektif kajian thesis ini iaitu:

1. Membuktikan kewujudan Landskap Melayu dalam Alam Melayu melalui perbandingan inventori.
2. Mengenalpasti karektor dalam Landskap Melayu yang menjadi identiti kepada senireka landskap budaya.

## 1.3 Definisi terminologi

Dalam pengkajian karektor landskap Melayu, beberapa istilah yang digunakan perlu didefinisi dan dihuraikan bagi membantu dan menjurus kepada skop kajian. Kajian ini melibatkan subjek yang sangat luas yang merangkumi alam persekitaran dan budaya bangsa Melayu. Selain itu, istilah tradisi dan tradisional juga perlu didefinisi dan dihuraikan. Ini disebabkan oleh elemen-elemen tradisional berkemungkinan tidak lagi relevan kerana persekitaran dan budaya Melayu telah banyak berubah mengikut pembangunan semasa. Oleh sebab itu, penghuraian terhadap istilah-istilah ini dapat membantu dari segi skop kajian untuk menjurus kepada objektif utama. Istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

**Melayu**, bangsa yang menduduki kawasan yang sangat luas iaitu dari segi sejarah etnologi. Melayu nusantara (Archipelago) merupakan istilah yang biasa digunakan untuk menggambarkan keluasan pertapakan bangsa Melayu di dunia. Merujuk kepada kenyataan Winstedt (1947/1961b) dalam penulisan *The Malays: A cultural History* bahawa keluasan pertapakan Melayu adalah antara Formosa (Taiwan) hinggalah ke Filipina dan sekitar Indo-China. Menurut Syed Iskandar (2001) lagi istilah Melayu secara khususnya digunakan untuk menunjukkan ketamadunan Melayu Indonesia dan Melayu semenanjung. Rangkaian Melayu dapat dikenalpasti melalui bahasa

pengantarnya *lingua franca* dan membezakan pelbagai etnik di dalamnya seperti Jawa, Aceh, Minangkabau, Bugis dan lain-lain lagi. Merujuk penulisan Asmah Omar (1983) menyatakan bahawa bahasa Melayu berasal dari keluarga Austronesian yang boleh dijumpai di seluruh pelusuk tanah India dan Lautan Pasifik. Sebilangan besar Melayu semenanjung merupakan imigran dari kawasan sekitarnya seperti orang Indonesia; orang Aceh, orang Minang, orang Riau, Jawa dan Bugis (Provencher, 1984). Ini dapat dibuktikan dengan adanya pelbagai dialek Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Berdasarkan kepada penulisan Syed Iskandar (2001) menyatakan bahawa melalui pengalaman Christian Pelras dalam bidang anthropologi dan senibinanya telah membuat pendefinisian terhadap Melayu mengikut etnik, latar belakang dan kawasan lingkungannya. Merujuk kepada penulisan Pelras (1993) telah mencadangkan bahawa pendefinisian terhadap bangsa Melayu itu ada tujuh peringkat iaitu:

- i) Sesiapa yang menetap di Semenanjung Tanah Melayu, berbahasa Melayu dan mengamalkan ajaran Islam.
- ii) Sesiapa yang tinggal di bahagian Timur (Sabah dan Sarawak) dan timur Semenanjung dikenali sebagai Melayu Malaysia.
- iii) *Melayu bumiputera/ Melayu asal*, Melayu yang tinggal di luar Malaysia iaitu negara-negara jiran di Selatan-Timur Asia.
- iv) Muslim yang petah berbahasa Melayu dan kuat dalam identiti etniknya iaitu seperti Minangkabau dan Jawa juga dipanggil bangsa Melayu.
- v) Orang Selatan-Timur Asia yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- vi) Orang bukan Islam yang berbahasa Melayu dalam lingkungan kawasan ini.
- vii) Akhir sekali adalah orang yang berbahasa dalam salah satu bahasa Austronesian.

Pendefinisian seperti di atas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dapat dikenalpasti melalui kawasan lingkungan dan bahasa pengantarnya.

Terdapat pelbagai etnik di Semenanjung Tanah Melayu seperti mana yang telah dinyatakan oleh Provencher (1984) seperti orang Jawa, Minang, Bugis, Aceh dan sebagainya. Walaupun kepercayaan dan adat setiap etnik berbeza namun budaya

kehidupan masyarakat Melayu secara umumnya adalah sama mengikut kawasan-kawasan tertentu seperti pedalaman, kawasan bandar dan tepi pantai. Ini dinyatakan dalam definisi yang telah dibuat oleh Ernest Schustky (1987) bahawa budaya adalah sesuatu yang berkaitan dengan kelakuan manusia. Amalan atau pekerjaan setiap hari yang dilakukan berulang kali telah menjadi budaya bagi sesebuah masyarakat itu. Ini dapat dibuktikan dengan adanya artifak budaya atau perabot laman seperti pangkin, kolah, kolam, reban, bangsal dan sebagainya.

Istilah Melayu adalah suatu pengkajian yang sangat kompleks dan sangat luas dari segi lingkungan etnik dan boleh melangkaui skop kajian ini. Oleh yang demikian, istilah Melayu yang digunakan dalam kajian ini merujuk definisi yang telah dibuat oleh Pelras dan tertumpu di kawasan Semenanjung Malaysia.

**Tradisi** adalah sesuatu kebiasaan iaitu adat, kepercayaan dan lain-lain yang dikekalkan turun-temurun dan sesuatu yang telah menjadi amalan sesuatu masyarakat (Kamus Dewan, 1994). Tradisi ini kebiasaannya merujuk kepada budaya yang mana merujuk kepada salah satu pendefinisian Tylor (1871) iaitu budaya secara keseluruhannya adalah kompleks yang mana mengandungi ilmu, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan kelakuan yang diperlukan oleh seseorang sebagai sebahagian daripada masyarakat. Menurut beliau, budaya adalah sesuatu yang dikongsi bersama supaya mewujudkan pertalian dalam masyarakat, dipelajari, sebahagian daripada sistem dalam masyarakat, boleh ditokok tambah dan dipelbagaikan iaitu dari segi penyelesaian masalah kehidupan. Warisan amalan kehidupan ini menjadikan sesebuah masyarakat itu berbudaya, bertamadun dan beridentiti.

**Tradisional** merupakan perkaitan sifat sesuatu yang di warisi, masyarakat yang mengamalkan secara turun temurun dan mengikut tradisi (Kamus Dewan, 1994). Kalau dilihat dari aspek senibina, rumah tradisional Melayu merupakan elemen tradisional yang terdapat dalam persekitaran masyarakat Melayu. Elemen ini mempunyai komponen-komponennya yang tersendiri untuk menjadikannya sesuatu yang tradisional. Komponen-komponen ini terdiri daripada artifak-artifak budaya seperti guri, tempayan, reban, jemuran dan sebagainya. Akan tetapi peredaran masa telah mengakibatkan komponen-komponen ini tidak digunakan lagi dan semakin hilang dan pupus.

#### 1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini menekankan kepada karektor landskap yang menjadi tulang belakang kepada asas senireka landskap budaya. Kajian landskap Melayu meliputi pelbagai aspek dalam budaya Melayu seperti pemikiran, kepercayaan, seni, moral, undang-undang dan perilaku. Pemahaman tentang budaya adalah sebahagian daripada proses mengenalpasti elemen-elemen landskap Melayu. Kajian ini dijalankan melalui beberapa kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kajian kualitatif dilaksanakan melalui kajian ilmiah, temuramah dan kajian pilot atau inventori. Kajian awal ini dijalankan untuk mendapat maklumat dan gambaran secara keseluruhan iaitu dari segi elemen-elemen yang terdapat dalam komposisi landskap, fungsi, nilai dan perkaitan landskap yang dikaji dengan budaya Melayu. Pada peringkat ini, pembinaan hipotesis dijalankan bagi mendapatkan haluan kajian iaitu senibina landskap Melayu wujud dalam alam lingkungan Melayu. Melalui kajian ini, beberapa kajian kes dipilih untuk dijadikan sampel untuk dianalisis. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang mempunyai nilai kebudayaan Melayu seperti rumah tradisional Melayu dan persekitarannya yang masih lagi mempunyai elemen-elemen tradisional seperti laman, perabot laman, perigi, kolah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, merujuk kepada definisi-definisi istilah tradisi dan tradisional, skop pemilihan kepada elemen tradisional tidak relevan lagi kerana perubahan pada persekitaran kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri. Perubahan yang dimaksudkan adalah dari segi pembangunan secara keseluruhan status kehidupan Melayu. Oleh yang demikian, elemen tradisi ditekankan dalam skop kajian ini kerana elemen ini tidak luput dan diwarisi dalam budaya kehidupan masyarakat Melayu. Dalam skop kajian ini, sampel pemilihan adalah rumah tradisi Melayu yang terdapat di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Pemilihan ini berdasarkan kepada kaedah kuantitatif yang dijalankan untuk mendapat jumlah bilangan sampel untuk dianalisis sama ada dari segi perbandingan mahupun persamaan yang terdapat dalam landskap Melayu untuk dirangkumkan hasilnya secara umum di akhir kajian. Akhirnya, hasil kajian dapat memenuhi objektif kajian ini iaitu membuktikan kewujudan landskap Melayu dan juga menemui karektor landskap Melayu yang boleh digunapakai dalam senireka landskap kebangsaan.


## 1.5 Kepentingan Kajian

Banyak isu ditulis dan dikemukakan tentang penerapan identiti bangsa dalam rekabentuk landskap kebangsaan. Permasalahannya adalah pemahaman tentang landskap Melayu tidak jelas dan ini telah mengakibatkan kesinambungan budaya dalam pembangunan landskap kebangsaan kurang berjaya. Kajian terhadap elemen-elemen landskap Melayu adalah perlu untuk dijadikan penjana kepada pembangunan identiti bangsa Melayu. Selain itu, penyebaran pengetahuan dan pemahaman tentang elemen-elemen dalam landskap Melayu adalah sebahagian daripada usaha dalam pembangunan identiti bangsa Melayu. Hasil kajian ini dapat disumbangkan dalam beberapa usaha seperti berikut:

- a) Perakuan terhadap elemen landskap Melayu yang seragam
- b) Meningkatkan pemahaman tentang budaya Melayu dalam senibina landskap
- c) Membangunkan landskap tempatan dengan identiti bangsa Melayu
- d) Menjadi prinsip dan garis panduan dalam rekabentuk landskap Melayu oleh arkitek landskap tempatan

## 1.6 Hipotesis Kajian

Objektif utama adalah untuk membuktikan kewujudan landskap Melayu melalui karektor yang dimilikinya. Secara umumnya, landskap mempunyai nilainya tersendiri disebabkan oleh dominasi budaya manusia terhadap persekitarannya. Penerapan sistem kehidupan dalam alam semulajadi membentuk dan mengolah corak aturan semujadi mengikut keperluan manusia. Menurut Carl Sauer (1925) menyatakan bahawa landskap budaya adalah persekitaran semulajadi yang diolah oleh kumpulan budaya. Beliau berpendapat bahawa olahan ini terjadi daripada teori; budaya adalah agen, alam semulajadi adalah media dan hasilnya adalah sebuah landskap budaya.



Jadual 1.0 Carta Carl Sauer menunjukkan elemen-elemen dalam landskap budaya (sumber Carl Sauer, 1925)

Berdasarkan kepada teori yang dibuat oleh Carl Sauer, sesebuah landskap itu dipengaruhi oleh budaya sesebuah bangsa. Pengaruh budaya bangsa berperanan mencorakkan alam semulajadi dan seterusnya membentuk landskap beridentiti tempatan.

Bab dua membincangkan landskap Melayu dari sudut pemahaman budaya dan proses pembentukannya. Alam Melayu merupakan istilah yang merangkumi makna keseluruhan landskap Melayu yang mana melibatkan alam semulajadi dan budaya Melayu. Pengetahuan dan pemerhatian terhadap sifat dan fungsi alam oleh orang Melayu mewujudkan satu sistem kehidupan yang seimbang dan sempurna. Ini dapat dilihat pada keadaan persekitaran kawasan kediaman yang dilengkapi dengan elemen dan komponen keperluan kehidupan seperti hiasan, makanan, perihal budaya, utiliti, peneduh, pagar dan perubatan. Implementasi elemen-elemen ini di dalam kawasan persekitaran rumah membentuk karektor bagi landskap Melayu.

Kajian ini mencadangkan bahawa elemen budaya merupakan faktor penting dalam pembentukan landskap budaya dan komponen-komponen di dalamnya. Ini dibuktikan dari integrasi alam dengan budaya bangsa Melayu melalui penggunaan elemen alam dalam sistem adat masyarakat Melayu. Hubungan ini diwarisi dan diamalkan turun-temurun walaupun terdapat perubahan yang berlaku dalam struktur sosial. Maka hipotesis yang dapat dibentuk daripada kajian ini adalah landskap

Melayu wujud dan terbentuk daripada gabungan faktor-faktor seperti fungsi, budaya dan kepercayaan orang Melayu.

## **1.7 Struktur Kajian**

Tesis ini mengandungi enam bab yang dimulai dengan bab pendahuluan, kajian ilmiah, metodologi kajian, analisis kajian dan akhir sekali bab rumusan dan perbincangan.

Bab satu membincangkan tentang latar belakang kajian terhadap landskap budaya Melayu dan hubungan landskap dengan budaya Melayu melalui definisi terhadap istilah landskap itu sendiri. Perbincangan diteruskan dengan permasalahan kepupusan komponen-komponen dalam landskap yang disebabkan oleh pembangunan mendadak seterusnya mengakibatkan identiti bangsa hilang. Permasalahan dan isu yang dibincangkan memberikan justifikasi terhadap kepentingan untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, beberapa istilah yang digunakan seperti Melayu, tradisi dan tradisional didefinisikan bagi menjuruskan skop kajian ini.

Pemahaman tentang landskap dan hubungannya dengan budaya Melayu dibincangkan dalam bab kedua. Dalam bab ini, perbincangan menekankan kepada faktor-faktor budaya yang mempengaruhi alam Melayu iaitu adat, kepercayaan dan pemikiran. Pemahaman tentang faktor-faktor ini dapat memberi gambaran tentang perkaitan antara kebudayaan Melayu dengan alam persekitarannya. Gambaran ini membawa kepada pengertian landskap budaya yang memberi penjelasan terhadap evolusi kewujudannya dalam masyarakat Melayu. Melalui penghuraian ini rangka awal kajian dapat dibuat dan membantu dari segi pemilihan metodologi kajian yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Bab ketiga menekankan kepada metodologi yang membincangkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan rangka untuk menjalankan kajian. Kajian ilmiah merupakan sebahagian daripada kaedah kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan gambaran awal landskap Melayu. Melalui kaedah ini, skop dan rangka kajian dapat dibuat dengan teratur serta tidak tersasar dari objektifnya. Seterusnya kajian kes dibincangkan bagi memenuhi keperluan kaedah kuantitatif yang mana memerlukan bilangan sampel untuk analisa. Kaedah secara statistik ini digunakan

untuk perbandingan sampel kajian bagi tujuan mendapatkan kesamaan elemen-elemen dan juga perbezaan elemen yang memberi impak kepada rumusan kajian.

Pemilihan sampel yang sesuai adalah perkara penting dalam kajian ini dan dibincangkan dalam bab empat. Dalam bab ini, pemilihan kajian kes berdasarkan kepada elemen-elemen yang memberi impak dalam landskap budaya Melayu. Elemen dalam konteks ini merujuk kepada komponen-komponen yang terdapat di persekitaran rumah Melayu. Selain itu, pemilihan kajian kes ini berdasarkan kepada definisi-definisi terhadap istilah tradisi dan tradisional yang telah dibuat pada awal bab. Definisi ini membantu menjurus kepada skop kajian dan pemilihan sampel di kawasan-kawasan kampung di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemilihan kawasan kajian dibincangkan dalam bab ini untuk mendapatkan keserasian elemen-elemen yang terdapat dalam landskap Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia.

Data-data melalui inventori yang diperolehi dianalisis dan dibincangkan dalam bab lima. Komponen-komponen yang ditemui melalui kajian inventori akan disenaraikan mengikut kawasan dan analisis akan dijalankan terhadap keserasian atau kesamaan dari segi komponen-komponen yang digunakan. Kaedah statistik digunakan untuk mengesahkan kesamaan elemen yang biasa terdapat dalam landskap Melayu. Hasil penemuan analisa akan dirumuskan dalam bab seterusnya.

Bab enam membincangkan hasil kajian yang diperolehi daripada analisis yang telah dibuat dalam bab sebelumnya. Dalam bab ini, perbincangan menekankan kepada kewujudan landskap Melayu dan kesamaan dari segi karektor yang terdapat dalam landskap Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia. Rumusan terhadap hasil kajian dibuat pada akhir bab sebagai memenuhi objektif kajian.



## **BAB 2**

### **KAJIAN ILMIAH**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang kebudayaan Melayu dan perkaitannya dengan alam persekitarannya. Permasalahan utama dalam kajian ini adalah kekurangan bahan-bahan bertulis untuk rujukan dalam konteks landskap budaya Melayu. Oleh yang demikian, rujukan kepada hasil kesusasteraan Melayu lama seperti hikayat, puisi, seloka, gurindam dan manuskrip sejarah Melayu dijadikan sebagai bahan rujukan utama. Selain itu, tinjauan di beberapa rumah tradisi di kawasan kampung dijalankan sebagai kajian pilot untuk mengukuhkan lagi maklumat yang diperolehi daripada bahan rujukan. Pada permulaan bab ini, sejarah dan kebudayaan Melayu dibincangkan untuk mendapat gambaran ringkas terhadap keseluruhan konteks alam Melayu. Definisi landskap budaya serta elemen-elemen budaya yang mempengaruhi alam persekitaran juga dihuraikan bagi menjelaskan perkaitan budaya dengan alam.

Dewasa ini, kerajaan telah melancarkan kempen penghijauan menerusi visinya iaitu menjadikan Malaysia Taman Negara melalui pembangunan landskap yang berkualiti dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan hidup rakyat. Dalam pelan induk yang merupakan pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif, penghijauan

kawasan tertumpu kepada jalan raya, sungai dan tanah-tanah kerajaan. Banyak kempen dijalankan untuk mengindahkan bandaraya dengan imej kebangsaan. Salah satu ruang kempen yang telah dianjurkan oleh kerajaan untuk menyedarkan orang ramai tentang kepentingan alam dan identitinya adalah melalui kempen festival laman. Melalui kempen ini, hasil-hasil rekabentuk tempatan dan antarabangsa dipamerkan, lebih-lebih lagi dalam mengetengahkan elemen bangsa menerusi implementasi landskap kebangsaan dalam meneruskan warisan bangsa. Namun, isi dan pengertian imej kebangsaan masih kurang jelas dalam rekabentuk dan tanamannya menjadi isu penting pembentuk landskap kebangsaan. Persoalan sekarang adalah tentang kefahaman orang ramai terhadap elemen-elemen budaya dalam rekabentuk landskap masa kini. Kefahaman bukan sekadar estetikanya sahaja, malah maksud dan pengertiannya dalam konteks budaya Melayu perlu difahami supaya setiap komponen-komponen yang digunakan menepati fungsi dan ciri-cirinya.

Banyak usaha yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan mahu pun syarikat swasta dalam mengetengahkan imej-imej tempatan dalam rekabentuk landskap. Kajian-kajian tentang landskap budaya telah dijalankan oleh banyak pihak terutamanya Universiti-universiti tempatan. Kajian-kajian ini meliputi pengertian landskap budaya dan mengenalpasti karektor dalam membentuk identiti landskap tempatan. Hasil kajian ini memberi sumbangan kepada pendidikan melalui seminar dan penulisan dalam pelbagai jenis media. Ini bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang pengertian dan kepentingan landskap dalam budaya bangsa. Seterusnya, menjana ekonomi negara dengan adanya syarikat-syarikat yang memasarkan produk-produk hasil kajian ini. Salah satu daripadanya adalah Terra Garden Sdn. Bhd. yang mengetengahkan konsep Neo Nusantara yang menonjolkan rekabentuk yang diambil dari elemen-elemen tempatan seperti pangkin, pasu, tempayan dan gayong. Usaha ini secara tidak langsung mengimbau kembali perasaan dan persekitaran kampung. Sekaligus memberi pengetahuan dan pengertian tentang konteks budaya Melayu kepada generasi baru dalam persekitaran moden.

## **2.1 Sumber Kajian Ilmiah**

Permasalahan dalam menjalankan kajian ilmiah ini adalah kerana kekurangan maklumat mengenai sejarah kebudayaan Melayu terutama sekali dalam kajian landskap budaya Melayu. Ini dinyatakan oleh Zaharah Mahmud (1970) bahawa banyak fakta bertulis tentang pengkajian sejarah Melayu mempunyai masalah besar iaitu dari segi maklumat. Maklumat-maklumat tentang kajian ini hanya terdapat dalam beberapa sumber sejarah Melayu seperti manuskrip lama, hikayat, puisi dan senibina. Sumber-sumber ini dapat memberi serba sedikit gambaran suasana dan penggunaan elemen alam dalam kehidupan masyarakat Melayu.

### **2.1.1 Manuskrip Lama Melayu**

Manuskrip lama yang diperolehi mempunyai pelbagai bentuk penulisan iaitu dalam bidang kepercayaan, sosial dan pembinaan. Manuskrip lama yang dijumpai dan sesuai untuk kajian ini adalah seperti kitab Tajul Muluk yang telah diterjemahkan oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi (2000). Keseluruhannya tertumpu kepada aspek petua dan kepercayaan dalam pembinaan rumah tradisi Melayu. Ini termasuklah dari segi pemilihan tanah, lokasi, orientasi rumah, pemilihan tapak dalam pecahan tanah, jenis tanah, membersih tanah, sistem ukuran, perletakkan tanaman dan juga komponen laman seperti telaga. Kesemuanya tertakluk kepada adat dan kepercayaan orang Melayu tradisional dalam pembinaan sesuatu di atas tapak. Berikut adalah contoh jadual perletakkan telaga atas tapak mengikut kepercayaan masyarakat Melayu lama.

## Matahari naik

Jerung ini buat telaga baik	Buat telaga tidak baik	Pada jerung ini tiada baik buat telaga. Kelahian
Mengadap rajapun baik	Menerima perak daripada raja dan menteri	Buat dusun beroleh fitnah
Buat telaga alamat anak isteri mati buat dusun baik	Tempat ini rumah kita	Buat telaga baik buat dusun baik
Buat dusun tidak baik	Buat telaga tidak baik buat dusun tidak baik	Pada jerung ini buat telaga baik buat dusun tidak baik

## Matahari jatuh

Rajah 2.0 Sistem perletakan telaga di atas tapak yang dipilih

Walaupun begitu, amalan-amalan ini mempunyai persamaan dari segi maksud dan tujuannya. Contohnya seperti pemilihan tapak rumah, mengikut huraian manuskrip yang dibuat oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi menyatakan bahawa bumi senget dari timur ke tenggara, selatan, barat daya, barat tepat dan barat laut tidak baik untuk tapak perumahan. Senget ke tenggara alamat tersekat mata pencarian, senget ke selatan alamat turun harta, kehilangan atau kematian. Senget ke barat daya alamat saudara dan kaum keluarga dengki dan senget ke barat tepat alamat menjadi lembik (lemah) dan berkurang temasam (mengubat orang sakit kerana keteguran hantu). Petua pemilihan tanah ini sebenarnya bertujuan untuk menumpukan pengaliran air hujan. Elemen semulajadi seperti kedudukan lingkaran matahari mempunyai pengaruh dalam menentukan kedudukan rumah atas tapak. Ini dinyatakan dalam manuskrip (MMS 741) bahawa arah rumah mesti mengadap ke matahari jatuh ke barat iaitu mengadap ke kiblat sesuai dengan konsep Islam. Selain itu landskap dan topografi juga memainkan peranan dalam menentukan kedudukan. Ini dapat dilihat dari segi pembinaan rumah yang kebiasaannya berhadapan dengan kawasan

berair seperti sungai dan laut. Contohnya kedudukan orientasi rumah penduduk rumpun Melayu di Kepulauan Solor, Maluku, Sangir dan lain-lain mengadap ke laut. Istana Balai Besar di negeri Kelantan juga mempunyai kedudukan yang sama mengadap ke sungai.

Berdasarkan kepada syair di bawah, sebelum mendirikan rumah, tanah sekitarnya perlu dibersihkan terlebih dahulu.

Disucikan dahulu tanah sekitar,  
Barulah tiang-tiang mantap terpanang,  
Serta teratur rapi rangka dibangun,  
Dinding menutup dan atas pun menyatu.

Indah sangat ragam hiasan diukir,  
Beraneka pola warna pun melukis  
Doa dibaca agar rumah sempurna,  
Selamat penghuni, kayalah budaya.


*Pranatomangsa (syair kuno sunda)*

Pembersihan ini bukan sekadar membersihkan kawasan fizikal tapak tetapi dari segi semangat dan pengaruh dimensi lain sepertimana dalam kepercayaan masyarakat Melayu. Ini dinyatakan dalam penulisan dan amalan kitab Tajul Muluk, iaitu salah satu fasal dalam kitab ini menerangkan perkara ini bahawa:

*Tajul Muluk, hlm 91; jika bumi itu kata orang sangatlah keras syaitannya. Maka tatkala sudah atau dari bandarulnya maka koreklah tanah sama tengah itu cucuk tengah itu hingga sepilok maka ambillah tanahnya maka kepal baik maka baca ayat.*

Fasal di atas menerangkan bahawa jika hendak memilih tempat tapak rumah supaya rumah itu dingin dan tenang, pertama sekali perlulah dibersihkan dan dipersucikan tanah dengan amalan-amalan yang telah disebutkan dalam fasal di atas. Buyung dipenuhi dengan air dan di tengah-tengahnya diletakkan dengan bunga dan buyung ini diletakkan di tengah-tengah tapak rumah. Sekeping emas diletakkan di bawah bunga dan dibaca

suatu isim. Hasilnya amalan ini akan dilihat pada keesokkan harinya sama ada air penuh atau sebaliknya. Jika air dalam buyung itu penuh maka tapak sesuai untuk didirikan rumah tetapi sebaliknya sekiranya air kurang maka kurang sesuai untuk pembinaan rumah. Berikut adalah contoh amalan atau upacara pemilihan tanah yang dilakukan dalam masyarakat Melayu dahulu.



Rajah 2.1 Upacara Selamatan Memilih Tapak Rumah (Sumber Philip Gibbs 1987)

Dari segi tanaman di kawasan rumah dan juga telaga terdapat syarat dan sistem tertentu dalam menentukan kedudukannya atas tapak. Berikut adalah jadual sistem perletakkan tanaman berdasarkan kepada manuskrip lama (SS741).

## Matahari naik

Pohon maja	Pada jerung ini buat telagabaik dusun pun baik beroleh emas perak dan	Perihal ini buat telaga tiada baik beroleh lama dan padi beras baik pun banyak dan emas	Pada jerung ini tiada baik buat telaga kelahian	Pohon cermai
Pohon limau calang	Mengadap raja pun baik tamat	Perak dengan raja dan menteri tamat	Bawa kehilangan jika buat dusun beroleh fitnah tamat	Pohon pauh limau galling pohon benar pohon setar
Pohon durian	Di sini jika buat telaga alamat akan anak isterinya mati jika buat dusun baik tamat	Ini tempat rumahnya kita	Di sini buat telaga baik dan buat dusun pun baik dan mengadap raja-raja menteri pun baik akan beroleh laba	
Pohon menseta				
Di sini kayu dimakan buahnya				
Pohon limau penawar	Pada jerung ini buat telaga baik buat dusun tiada baik panas hati orang sangat	Pada petak ini buat telaga tiada baik sakit hati dan buat dusun pun tiada baik kerbau lembu habis hilang	Pada jerung ini buat telaga baik dan buat dusun tiada baik panas hati buat jelapang padi baik tamat	Pohon tanjung

## Matahari turun

Rajah 2.2 Sistem perletakan telaga dan tanaman

Melalui kajian terhadap manuskrip Melayu lama ini, boleh dikatakan amalan-amalan yang terkandung dalam masyarakat Melayu adalah sebahagian daripada evolusi kepercayaan, pemikiran, kebudayaan dan sosial. Dalam konteks ini, perkaitan alam semulajadi sangat ketara sama ada dari segi pengaruh fizikal mahu pun metafizikal. Ini menunjukkan bahawa Alam Melayu merupakan satu sistem ekologi yang lengkap antara pencipta, manusia dan alam.

### 2.1.2 Hikayat Melayu

Dalam dunia Melayu, terdapat pelbagai jenis hikayat yang menceritakan tentang sejarah, keadaan persekitaran, pengalaman dan budaya. Kesusasteraan ini adalah sebagai kesinambungan sejarah dan kebudayaan Melayu yang dapat diambil daripada jalan ceritanya. Selain itu, gambaran suasana dahulu kala dapat dibayangkan melalui hikayat-hikayat ini. Berikut adalah contoh petikan dalam Hikayat Hang Tuah:

*Maka laksamana pun sudahlah mandi lalu naik memungut bunga pada tepi kolam itu, pelbagai bunga-bunga seorang sekendong...sudah makan buah-buahan itu, maka ia duduk mengarang bunga sambil bersenda, bernyanyi, berpantun dan berseloka berbagai-bagai ragamnya.*

Beberapa elemen dapat dikenalpasti iaitu yang menggambarkan suasana atau keadaan tempat, elemen-elemen semulajadi, budaya dan perilaku masyarakat Melayu ketika itu. Melalui petikan ini kita dapati terdapat kolam dalam konteks persekitaran kampung. Pokok-pokok berbunga dan buah-buahan juga sebagai konteks dalam persekitaran kampung. Selain itu, kesenian masyarakat Melayu juga digambarkan dengan kegiatan mengarang bunga, nyanyian, pantun dan seloka. Ini menunjukkan perkaitan budaya Melayu dengan alam persekitaran sangat rapat sehinggakan unsur-unsur alam dipinjam dan digunakan dalam kesenian kesusasteraan Melayu.

### 2.1.3 Puisi Melayu

Dalam Tamadun Melayu, estetika adalah suatu faktor yang penting bagi membentuk identiti bangsa. Antara estetika Melayu yang terkenal dipelusuk dunia dahulunya adalah puisi Melayu. Puisi-puisi ini di antaranya ialah syair, gurindam, seloka, sajak, pantun dan sebagainya. Setiap puisi ini diungkapkan dengan lenggok dan gaya yang tersendiri. Ianya mempunyai maksud yang luas untuk menyampaikan unsur-unsur pengajaran dan kiasan yang mendalam dengan cara yang halus, teratur dan bersopan.



Dalam konteks puisi, ia mempunyai makna yang luas daripada kata-kata yang sangat ringkas. Ianya meliputi aspek yang berkaitan dengan struktur kehidupan, asal-usul dan latar belakang sesuatu benda, pemandangan dan seumpamanya. Ungkapan kata-kata dalam setiap puisi mempunyai maksud tersurat dan tersirat sesuai dengan budaya masyarakat Melayu. Melalui kajian terhadap analisis pantun Melayu, terdapat dua bahagian iaitu pembayang dan maksud. Bahagian pembayang kebiasaannya mengambil metafora sebagai gambaran latar belakang idea, perasaan, emosi berbagai-bagai bentuk yang mahu diucapkan dan dicadangkan. Bahagian kedua pula adalah susulan maksud daripada kesinambungan maksud pembayang yang diucapkan. Berikut adalah contoh dan penerangan pantun yang mempunyai perkaitan ini.

*Asam kandis asam gelugur,  
Ketiga dengan asam rambunia,  
Nyawa menangis di pintu kubur,  
Hendak pulang ke dalam dunia.*

**Penerangan:** Baris pertama pantun hanyalah merupakan persediaan ide iaitu untuk menghasilkan baris selanjutnya. Mereka mencipta keadaan tanpa metafora yang lengkap. Contoh di atas ialah pahit manis buah, sejenis tanaman yang mempunyai rasa asid. Ia bertujuan untuk memperkenalkan rangkap selanjutnya, sebagaimana yang telah diluahkan dari dalam hati selepas buah-buahan, bunga-bunga dan dahan-dahan.

Selain itu, pantun juga menggambarkan suasana tempat dan latar belakang kehidupan masyarakat Melayu mengikut kawasan tertentu. Berikut adalah sebahagian daripada contoh-contoh pembayang pantun tersebut.

1. Bagi nelayan yang tinggal di kawasan pantai.

*a) Perahu baharu, temberang pun baharu,  
Baharu sekali masuk Melaka.*

b) *Kalau tuan pergi ke Kedah*

*Singgah semalam di Kuala Kedah*

(sumber: Tamadun Melayu, 1993)

2. Bagi orang tinggal di kawasan pedalaman.

a) *Di mana Kuang bertelur,*

*Di atas lata, di ruang batu*

b) *Kalau tuan mudik ke hulu,*

*Carikan saya bunga kemboja.*

(sumber: Tamadun Melayu, 1993)

3) Keadaan, pemandangan dan sejarah

a) *Jalan-jalan, sepanjang jalan,*

*Singgah-menyinggah di pagar orang,*

*Pura-pura mencari ayam*

*Ekor mata di anak orang.*

b) *Zaman berperang Raja Burma,*

*Peluru sampai di pucuk kayu,*

*Pulau Pinang bandar raya baharu,*

*Kapten light menjadi shahbandar*

(sumber: Tamadun Melayu, 1993)

4) Susunan di dalam rumah

a) *Bunga rampai di dalam puan,*

*Bunga selasih di dalam peti.*


b) *Buah jering di atas para,  
Buah sawh dalam keranjang.*

(sumber: Tamadun Melayu, 1993)

Dalam konteks kajian ini, apa yang lebih penting adalah untuk memperlihatkan penggunaan metafora dalam puisi ini. Ini menggambarkan ketelitian dan kehalusan pemikiran intelek-intelek Melayu ketika itu dari menggunakan sifat-sifat fenomena alam sebagai sandaran kepada maksud yang hendak disampaikan. Puisi-puisi ini melambangkan identiti bangsa dan menggambarkan bahawa orang-orang Melayu dahulu sebagai masyarakat yang memiliki budaya yang unggul.

#### **2.1.4 Senibina Melayu**


Senibina tradisional Melayu merupakan salah satu penyambung kepada identiti dan kebudayaan Melayu. Masyarakat Melayu terkenal dengan falsafah membina sesuatu dengan makna dan simbolisme yang tertentu berdasarkan hubungan tuhan, manusia dengan alam. Misalnya, rumah Melayu bukan sekadar bangunan tempat berlindung tetapi dianggap sebagai simbolisme kepada struktur anggota manusia (mikrokosmos). Ini disebabkan oleh kepercayaan masyarakat Melayu tentang semangat yang ada dalam setiap elemen alam. Berikut adalah contoh gambarajah yang menunjukkan perkaitan rumah dengan anggota tubuh manusia.



Rajah 2.3 Hubungan struktur rumah Melayu dengan struktur manusia (Sumber: Syed Iskandar, 2001)

Pembinaan rumah tradisional Melayu mempunyai perkaitan rapat dengan persekitarannya. Ini termasuklah dari segi orientasi dan kedudukan matahari, pengudaraan, faktor keselamatan, struktur ruang laman, fungsi ruang dan tumbuh-tumbuhan yang di tanam di setiap ruang. Elemen-elemen semulajadi didapati sesuai dengan kedudukannya dengan ruang kawasan rumah. Ini menunjukkan bahawa terdapat aturan dan sistem dalam senibina Melayu tradisi. Sistem ini dapat dilihat dari rajah 2.2 perletakkan tanaman yang diambil dari manuskrip Melayu lama.

Selain itu, elemen-elemen seni yang terukir di dinding-dinding dan bahagian-bahagian rumah lain mempunyai maksud dan gambaran terhadap dunia persekitarannya. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa contoh panel ukiran di bawah.



Gambar 2.0 Panel ukiran dinding (Sumber: Nik Rashiddin Nik Hussein)

Panel-panel ini diukir dengan bermotifkan elemen semulajadi. Kebiasaannya motif ini akan diambil atau dipinjamkan dari pemandangan kawasan sekitar. Selain itu, bahagian-bahagian lain juga mempunyai ukiran yang melambangkan alam semulajadi seperti ukiran kepala pintu, ukiran pada tangga dan lain-lain. Kesemua ukiran ini memberi perlambangan yang berkait rapat dengan sejarah Melayu, keadaan persekitaran dan kepercayaan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa senibina tradisional Melayu adalah satu bentuk kosmologi Melayu yang melibatkan integrasi pemikiran dan kepercayaan terhadap alam.

## 2.2 Alam dan Adat Kebudayaan Melayu

Ketamadunan Melayu merupakan peradaban bangsa Melayu dalam konteks kerangka pemikiran dan kepercayaan. Menurut Winstedt(1961b), istilah ketamadunan Melayu biasa digunakan oleh ahli antropologi untuk menggambarkan sebahagian golongan bangsa Melayu yang meninggalkan amalan kepercayaan animistik dan budaya primitif serta mengamalkan kehidupan yang sistematik mengikut ajaran agama Islam. Di sini kita memperlihatkan kepada sejarah budaya dan evolusi pemikiran yang memperlihatkan kepada falsafah Melayu. Dalam kontek kajian ini, seni dan senibina

tradisi Melayu merupakan elemen yang dijadikan bahan rujukan dan kajian untuk dikaitkan dengan pemahaman adat, falsafah dan budaya bangsa. Contohnya seperti rekabentuk dan konsep rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia mencerminkan perkaitan rapat dengan sistem kepercayaan, keperluan sosial dan cara hidup masyarakat. Ini telah dinyatakan oleh Dean Shervin (1978) iaitu:

*The Malay House developed a strong but flexible form where the importance of ritual and custom can be clearly seen. This house stands in a kampung in an informal but intimate relation to surrounding, including other houses, trees, source of water and so on.*

Orang Melayu tradisional menghayati suatu cara hidup yang unggul yang mana secara keseluruhan kehidupannya berteraskan prinsip harmoni dengan alam. Melalui perspektif orang Melayu, alam tabii ini sebagai penuh dengan makna dan simbolisme. Ianya tidak terhad kepada alam kebendaan semata-mata tetapi juga pada dimensi hakikat dan roh yang maha seni. Keharmonian ini dihayati melalui ritual dan manifestasi kebudayaan yang digariskan oleh semiotik tabii dan kosmologi kebudayaan yang diwarisi dari generasi ke generasi. Semiotik tabii dan kosmologi kebudayaan ini adalah unsur yang datang dari evolusi pengaruh kebudayaan dari timur ke barat iaitu penerapan pengaruh kepercayaan seperti hindu, buddha, Islam dan pengaruh sekular barat (Hairudin, 2001). Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan artifak-artifak sejarah seperti candi-candi, bahan penulisan, struktur sosial dan teknologi yang hadir di dunia Melayu. Dalam konteks alam Melayu, perhubungan manusia dengan alam sangat rapat sehinggakan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan batu-batuan boleh berkata-kata atau bermadah. Fenomena ini hanya boleh dilakukan oleh mereka yang ahli dalam bidang ini seperti syaman, pawang, bomoh, sufi dan wali Allah (Hairudin, 2001).

Keharmonian yang dimaksudkan ini adalah perhubungan antara alam persekitaran dengan manusia. Tabiat alam yang tepat dan berulang mempengaruhi kelakuan manusia berhubung dengan alamnya yang mana fenomena ini mewujudkan satu bentuk amalan kerja untuk mendapatkan sumber kehidupan. Perhubungan ini dapat dilihat dalam adat

dan kebudayaan masyarakat Melayu. Zainal (1996) menyatakan bahawa Adat adalah kebudayaan manusia. Menurut beliau lagi tindakbalas manusia perseorangan dan kelompoknya terhadap perjalanan alam menyebabkan mereka menjadi tersusun dan teratur dalam bentuk sebuah organisasi. Maka organisasi sosial manusia adalah gambaran dari corak hubungannya terhadap alam sekitar dan ekologi. Dengan demikian adat sebagai suatu sistem-peraturan, norma dan undang-undang bertunjang pada alam sekitar. Ia adalah *nexus*-titik pertemuan- antara manusia dengan alamnya. Di dalamnya termaktub piagam hubungan dan penyesuaian individu dengan masyarakatnya, alam tabii dan alam ghaib.

Adat ini berpunca dari pemahaman manusia terhadap kewujudannya dan sifat alam tabii. Tabiat sesuatu adalah berdasarkan kepada sifat unsur kewujudannya yang berbeza antara satu dengan yang lain. Contohnya seperti adat air basah, dan adat api pula membakar (Zainal, 1996). Perkara ini dipelajari oleh setiap manusia untuk menyesuaikan diri dalam alam persekitarannya. Ini juga berlaku dalam konteks Alam Melayu, yang menggunakan alam persekitaran sebagai asas kepada adat kehidupan masyarakat. Dengan ini, kehidupan masyarakat Melayu dengan alam persekitaran seimbang dan bergantung antara satu dengan yang lain. Perkara ini dapat kita lihat dari segi kepenggunaan alam persekitaran dalam adat istiadat Melayu. Adat merupakan sistem yang mengatur perhubungan manusia dengan alam. Dalam masyarakat Melayu, adat istiadat ini adalah segala acara kehidupan seharian yang merangkumi aspek kepercayaan, hubungan sosial, perundangan dan alam tabii.

Setiap manusia mesti menempuh peringkat-peringkat kehidupan iaitu sejak belum dilahirkan sehinggalah saat kematian. Setiap putaran kehidupan ini melalui peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, bujang, berkahwin, beranak, bersuami isteri, bercucu-cicit dan mati. Setiap peringkat ini disertai dengan pelbagai upacara atau istiadat. Di antara adat istiadat ini adalah seperti Adat Perkahwinan, Adat bersalin/ beranak, Adat semasa tahap kanak-kanak, adat aktiviti ekonomi, adat perlantikan, adat berbudi bahasa, adat perubatan, adat bersilat, adat persembahan, adat makan dan adat kematian. Setiap adat ini mempunyai beberapa lagi pecahan-pecahannya yang mempunyai sistem adat dan keperluannya yang tersendiri untuk dilaksanakan. Sebagai contohnya, dalam masyarakat Melayu adat perkahwinan mempunyai sembilan pecahan adat iaitu adat merisik, adat

meminang, adat berinai, adat berendam, adat berbesan, adat mandi berhias, adat bertandang, adat menyalang dan adat berkampung (Zainal Abidin *et. al.* 1996). Kepenggunaan elemen alam semulajadi dapat dilihat dalam setiap adat-adat ini. Contohnya seperti penggunaan sirih junjung, inai dan bunga-bunga.

Elemen-elemen semulajadi penting dalam masyarakat Melayu kerana keperluannya untuk melaksanakannya. Selain dari itu, alam semulajadi ini digunakan untuk sumber kehidupan iaitu sebagai sumber makanan, peralatan pertukangan, pertanian dan juga perubatan. Suasana ekologi ini dapat dilihat dalam persekitaran rumah kediaman orang Melayu yang mempunyai pertalian rapat dengan konteks persekitarannya. Oleh yang demikian, melalui pemerhatian dan kajian ilmiah terhadap kebudayaan Melayu menunjukkan bahawa Alam Melayu merupakan gabungan perhubungan antara manusia dengan alam sekitar yang seimbang dari segi sistem kehidupan secara keseluruhannya.

### **2.3 Landskap Budaya**

Merujuk kepada definisi yang dibuat oleh kamus Oxford (English lama) landskap didefinisikan sebagai satu daerah atau kawasan. Definisi landskap pada kurun ke 7 dan 8 menerangkan bahawa 'landskip dan lantskip adalah satu pemandangan persekitaran. Banyak pendefinisian dan kenyataan dibuat oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang landskap bagi menjelaskan secara jelas tentang makna sebenar sebuah landskap. Pada tahun 1979, Macis's telah membuat kenyataan bahawa alam persekitaran bukan satu bentuk landskap sehingga ianya ditafsirkan oleh manusia. Kemudian seorang lagi pengkaji bernama Appleton membuat kenyataan pada tahun 1980 iaitu landskap tidak sinonim dengan persekitaran, ia adalah persekitaran yang ditafsirkan terutamanya ditafsirkan melalui pemerhatian. Kenyataan ini menerangkan bahawa sesuatu landskap itu adalah persekitaran yang telah diolah oleh manusia melalui pemerhatian dan perubahan yang dibuat pada sesuatu kawasan itu. Sehingga pada tahun 1994, seorang lagi pengkaji bernama Mitchell dalam bukunya 'Power and Landscape' menyatakan bahawa landskap adalah suatu amalan budaya, suatu kawasan aktif dengan aktiviti yang boleh dikatakan sebagai proses untuk mengenali antara satu dengan yang lain. Selain itu,



beliau telah mencadangkan bahawa landskap itu menyumbang kepada pembentukan sosial dan identitinya. Di sini kita dapat lihat bahawa manusia dan alam persekitaran saling berkait antara satu dengan yang lain dan membentuk satu sistem ekologi tersendiri terutama sekali dalam Alam Melayu.

Budaya merupakan suatu yang kompleks yang melibatkan pelbagai aspek dalam struktur masyarakat. Menurut Edward B. Tylor (1871), budaya adalah sesuatu yang kompleks yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan budaya serta perilaku yang diperlukan seseorang untuk menjadi sebahagian daripada komuniti. Kehidupan dalam masyarakat mempunyai adat dan peraturan yang perlu diikuti dan diamalkan sebagai sebahagian daripada komuniti. Adat yang diamalkan adalah sebagai garis panduan hidup bagi seseorang dalam masyarakat bagi mengawal perilaku supaya hidup aman dan sejahtera. Amalan ini dipanggil sebagai budaya. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Ernest Schusky *et. al.* iaitu budaya adalah satu konsep perilaku manusia. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang beradat dan berbudaya tinggi. Keadaan ini dapat dilihat dalam kehidupan masyarakat Melayu yang mengamalkan adat dan istiadat tertentu. Adat dan istiadat ini akan menentukan perilaku seseorang untuk berada dalam sesebuah masyarakat supaya hidup aman dan damai.

*Kecil dikandung ibu,  
 Besar dikandung adat,  
 Mati dikandung tanah.*

*Hidup dikandung adat,  
 Mati dikandung tanah.*

*Laksamana berbaju besi,  
 Masuk ke hutan melanda-landa,  
 Hidup berdiri dengan saksi,  
 Adat berdiri dengan tanda.*

( Zainal Abidin Borhan )

Dalam pengkajian budaya ini, adat dan istiadat perlu didefinisikan dahulu untuk mendapat gambaran bagaimana pembentukannya dan perkaitannya dengan alam semulajadi. Orang Melayu mengatur kehidupan dengan adat bagi memastikan kesejahteraan dan kestabilan kehidupan dengan persekitaran seimbang. Adat berasal dari bahasa Arab yang bererti kebiasaan. Konsep adat ini biasanya terjadi apabila sesuatu keadaan atau amalan itu dijalankan berulang kali dan sesuai dengan keadaannya. Keadaan ini selalunya dirujuk kepada keadaan kemalaran tabiat alam di tempat manusia bermastautin dan mencari rezeki. Tabiat alam yang tepat dan tetap ini mempengaruhi kelakuan manusia untuk berhubung dengan alam iaitu dari segi jadual kerja dan mendapatkan sumber kehidupan (Zainal 1996). Dengan adanya adat ini, pemikiran manusia berkembang dan tersusun hingga membentuk satu sistem hukum atau amalan. Himpunan segala aturan, peraturan dan hukum ini membentuk satu sistem yang dipanggil istiadat. Sesuai dengan definisi yang terdapat dalam kamus dewan iaitu peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang telah menjadi kebiasaan. Dengan definisi-definisi ini menunjukkan bahawa alam merupakan tunjang dalam pembentukan amalan dan peraturan dalam kehidupan manusia.

Susulan dari definisi ini, Calvin et al (1970) menyokong dan menyatakan bahawa manusia tidak boleh hidup sendirian tetapi dengan mempunyai hubungan dengan persekitarannya. Hubungan ini selalu ditunjukkan oleh elemen persekitaran di mana manusia tinggal. Perubahan-perubahan yang berlaku pada keadaan persekitaran asal kepada bentuk sekarang adalah evolusi landskap yang dipengaruhi oleh kegiatan manusia. Evolusi dan adaptasi aktiviti kehidupan harian pada kawasan persekitaran manusia ini membentuk satu bentuk persekitaran yang dinamakan sebagai landskap budaya. Perkara ini disokong oleh kenyataan dalam thesis Nor Atiah (2003) yang merangkumkan definisi-definisi yang dibuat oleh Lewis (1985), Melvick (1983) dan Bryan (1979) iaitu landskap budaya adalah satu persekitaran yang telah manusia adaptasi dan olah mengikut kesesuaian kehidupan mereka. Pemandangan ini dapat dilihat di sekitar kawasan kampung di Malaysia yang mana dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti kehidupan sama ada dari segi pertanian, perladangan dan perikanan. Contohnya dapat dilihat di kawasan utara Semenanjung Malaysia iaitu Sungai Petani, Kedah. Pemandangan sekitar kawasan ini dipenuhi dengan penanaman padi dan kawasan tempat

tinggal yang berselerak. Selain itu, terdapat beberapa komponen binaan yang menyokong persekitaran ini seperti wakaf, jelang padi, kepok padi, tali air dan sebagainya. Gambar 2.1 hingga 2.6 berikut adalah beberapa contoh imej-imej komponen landskap tradisi Melayu yang dijumpai melalui kajian inventori.



Gambar 2.1 Jelang padi



Gambar 2.2 Guri



Gambar 2.3 Perigi



Gambar 2.4 Bangsal



Gambar 2.5 Tandas



Gambar 2.6 Pangkin

Menurut Ismail *et.al.* (1999) pula mengidentifikasikan landskap budaya sebagai satu teknik yang khusus bagi mengekalkan kegunaan tanah dengan mengambil kira karektor dan had alam semulajadi serta hubungan rohani dengan alam. Walaupun perubahan-perubahan fizikal dan karektor biologinya dilakukan secara drastik, pengekalan landskap budaya tradisi adalah perlu untuk mengekalkan kesuburan dan kepelbagaian gunaannya. Keadaan ini dapat dilihat di sekitar kawasan kampung di semenanjung Malaysia yang masih mempunyai elemen-elemen semulajadi sebagai sokongan kehidupan di kawasan tempat tinggal. Hubungan ini dapat dilihat dari segi kesesuaian fungsi tanaman dengan organisasi ruang yang terdapat di kawasan rumah Melayu.

## 2.4 Rumusan

Landskap merupakan proses produk manusia dan alam sekitar. Di sini kita lihat adunan kehidupan manusia dengan alam sekeliling yang memerlukan antara satu dengan yang lain. Melalui definisi-definisi yang dibuat, landskap budaya merupakan medium penghubung asal-usul sesuatu masyarakat. Perkara ini telah dinyatakan melalui ECOVAST seperti berikut:

*“This heritage of lanscape and popular culture represents a large part of our collective memory. It provides ‘roots’ for modern people. A sense of people, a link to the past, a store house for ideas on how we use the land, a vital source of culture and of spiritual creation. It represents a massive inherited ‘capital’ of human effort, which we may (to our cost) ignore or waste or we may choose to use and adapt.”*  
(ECOVAST, 1991).

Landskap Melayu adalah salah satu contoh landskap budaya yang semakin pupus ditelan zaman. Kekurangan penulisan tentang bidang ini telah menyebabkan landskap budaya ini kurang difahami dan dikenali. Dalam kajian ini, beberapa sumber lain diambil untuk mendapat beberapa rantaian maklumat untuk menghubungkan elemen-elemen landskap budaya. Sumber-sumber ini adalah seperti Manuskrip Melayu lama, hikayat-hikayat Melayu, puisi Melayu dan senibina Melayu. Maklumat-maklumat yang

terkandung di dalam sumber-sumber ini dapat memberi gambaran serba sedikit tentang sistem, adat, peraturan, suasana pemandangan dahulu, penggunaan elemen alam dalam sastra dan senibina. Contohnya seperti peminjaman elemen alam sebagai pembayang maksud dalam pantun. Berikut adalah contoh penggunaan elemen-elemen alam dalam pantun.

*Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di pokok nangka,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah untuk adat pesaka,*

*Tanam buluh berumpun-rumpun,  
Tanam mari dalam lembah,  
Minta maaf serta ampun,  
Ampunkan saya mengangkat sembah.*

*Tanam mari dalam lembah,  
Lembah bernama sawah bendang,  
Ampunkan saya mengangkat sembah,  
Sembah saya kepada Undang.*

(Khairuddin Md. Hassan)

Dari konteks senibina Melayu pula, terdapat pelbagai jenis ukiran yang terukir di dinding dan tiang rumah. Corak-corak dan motifnya adalah dari pengaruh elemen semulajadi seperti bunga teratai, kekacang, kemboja dan lain-lain. Selain itu, binaan dan ukiran ini adalah sebahagian daripada simbolisme atau perlambangan kepercayaan orang Melayu terhadap Pencipta. Ini menunjukkan bahawa Alam Melayu merupakan satu sistem ekologi yang tersendiri yang mana mengandungi hubungan tuhan, manusia dan alam.

Landskap Melayu menekankan kepada keseluruhan fungsi alam sekitar pada kehidupan manusia. Kelakuan atau amalan kehidupan manusia bergantung kepada

perubahan dan tabiat alam semulajadi. Ini disebabkan oleh perubahan pemikiran manusia berhubung dengan alam dalam menentukan kesesuaian jadual kerja berdasarkan kemalaran tabiat alam untuk mendapatkan sumber kehidupan. Oleh sebab itu, alam semulajadi merupakan pengaruh penting dalam pembentukan adat bangsa Melayu. Menurut Zainal Kling dalam penulisan tamadun Melayu (1993), adat berpunca dari pengertian manusia terhadap kewujudan dan sifat alam tabii. Pemahaman sifat ini telah membentuk pemikiran orang Melayu terhadap hubungan manusia dengan alam. Masyarakat Melayu membuat penyesuaian dengan alam berdasarkan kepada pengetahuan terhadap hukum alam. Perkara ini dapat dilihat melalui amalan-amalan budaya Melayu seperti adat perkahwinan, adat bersalin, adat perubatan, adat membuka tanah, adat bersilat dan sebagainya. Setiap amalan ada sistem, cara dan peraturannya tersendiri. Perlambangan atau simbolisme dalam amalan ini adalah bertujuan supaya kesejahteraan hubungan manusia dengan alam dapat dicapai.

Usaha pemuliharaan budaya secara global telah diusahakan oleh sebuah badan internasional pada tahun 1981 lagi iaitu Australia ICOMOS charter dalam 'The Burra Charter' yang telah membuat rangka kerja untuk kesemua usaha pengurusan kesenian dan kebudayaan terutama sekali dalam proses mengenalpasti dan menilai keistimewaan kebudayaan yang ada. Selain itu, garis panduan untuk 'The Burra Charter' mencadangkan bahawa keistimewaan budaya merupakan konsep yang membantu menilai sesuatu kawasan itu; Sesuatu kawasan itu yang mempunyai keistimewaan dapat membantu memahami sejarah atau menambah nilai keadaan semasa dan dipercayai sebagai aset yang bernilai tinggi untuk generasi akan datang.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan bagi membentuk garis panduan dan perolehan data kajian. Melalui perbincangan yang telah dibuat dalam bab dua mengenai elemen-elemen yang terdapat dalam persekitaran Melayu, perbandingan kawasan-kawasan persekitaran rumah Melayu di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah perlu disebabkan terdapatnya pelbagai jenis elemen dan artifak budaya yang boleh dijadikan sokongan dalam pembentukan karektor landskap Melayu. Perolehan ini adalah bertujuan untuk mendapat gambaran yang menyeluruh tentang budaya kehidupan masyarakat Melayu dan dapat membuktikan kewujudan seni landskap dalam lingkungan alam Melayu. Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu pengimbasan metodologi berkaitan, pemilihan dan penerangan metodologi yang sesuai. Seterusnya diikuti dengan penerangan teknik menganalisis data yang digunakan.

### **3.1 Skop Kajian**

Dalam konteks alam Melayu, persekitaran dan kehidupan manusia saling berkait antara satu dengan yang lain. Hubungan ini melibatkan fungsi alam dan budaya kehidupan manusia yang mewujudkan satu bentuk alam persekitaran yang dikenali sebagai landskap budaya. Menurut Ismail *et. al.* (1999), landskap budaya sebagai satu teknik yang khusus bagi mengekalkan kegunaan tanah dengan mengambil kira karektor dan had alam semulajadi serta hubungan rohani dengan alam. Dalam konteks ini, landskap Melayu merupakan senibina landskap kompleks yang mempunyai karektor yang tersendiri dalam pembentukan identitinya. Karektor-karektor yang ada dalam landskap Melayu adalah berdasarkan kepada hubungkait elemen landskap dengan budaya bangsa Melayu. Hasil penemuan ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan dan mengenalpasti karektor landskap Melayu.

### **3.2 Pemilihan Metodologi Kajian**

Kajian terhadap landskap Melayu memerlukan kepada pemerhatian dan pemahaman terhadap perkaitan antara alam sekeliling dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kaedah ini dapat memberi gambaran dan penjelasan tentang kewujudan elemen-elemen dan komponen-komponen laman dalam landskap Melayu. Sebelum pemilihan metodologi dibuat, beberapa faktor perlu diambilkira seperti imbasan metodologi berkaitan dan seterusnya keperluan serta persoalan kajian.

#### **3.2.1 Pengimbasan Metodologi yang Berkaitan**

Sebelum pemilihan metodologi dibuat, pengimbasan terhadap beberapa metodologi yang berkaitan dibuat untuk dijadikan sebagai rujukan kaedah bagi memperolehi maklumat kajian. Menurut Carter (1983) terdapat pelbagai kaedah untuk memperolehi maklumat tentang landskap budaya iaitu dengan menggunakan soalan



kajian (questionnaire) melalui temubual, bengkel seni taman, rekod tanaman dan inventori visual. Pemilihan kaedah yang sesuai bergantung kepada masa dan sumber yang ada, matlamat kajian, format maklumat yang ada dan fokus kajian. Oleh yang demikian beberapa kaedah yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji landskap budaya di analisis kesesuaiannya untuk digunakan dalam kajian ini.

Robert Buckle (2002) seorang pengkaji landskap budaya telah menjalankan satu kajian untuk membangunkan satu pendekatan terhadap perancangan landskap budaya. Pendekatan perancangan ini dibangunkan dari adaptasi perancangan karektor melalui rujukan komponen karektor dari karektor Melnick (1984), empat ciri-ciri karektor landskap dari Paine dan Taylor (1995) dan adaptasi konsep karektor yang digunakan oleh Canada Federal Heritage Review Office. Terdapat kekurangan dalam beberapa rujukan ini seperti karektor Melnick seperti mana yang diterangkan oleh Paine dan Taylor (1995) hanya menerangkan ciri-ciri tetapi tidak mengidentifikasikan karektor, kualiti, makna dan keistimewaan sesebuah landskap itu. Berikut adalah contoh jadual karektor Melnick.

	<b>CHARACTERISTICS</b>	<b>EXAMPLES</b>
Process	1. Pattern of Spatial Organization	Grid Plan
	2. Land Use and Activities	Cropland/ Irrigation
	3. Response to Natural Feature	Shelterbelts
	4. Cultural Traditions	Gambrel Roof Barns
Features	5. Circulation Networks	Pathway
	6. Boundaries	Political/ visual
	7. Vegetation Related to Land Use	Trees in Orchard
	8. Structural Types	Barns
	9. Cluster Arrangement	Homesteads
	10. Archaeological Sites	Abandoned Farmsteads
	11. Small-Scale Elements	Fencing
	12. Perceptual Qualities	Views

Jadual 3.0 Jadual karektor Melnick menerangkan sejarah sesebuah daerah dengan mengambilkira jenis maklumat yang perlu dicari.

Oleh yang demikian pada tahun 1995 setelah menganalisis beberapa metodologi yang telah digunakan, mereka telah membuat satu sintesis berkaitan pendekatan terhadap landskap budaya iaitu dengan mengambilkira empat faktor landskap budaya yang paling sesuai untuk menggambarkan sesebuah landskap dan mensintesiskan elemen-elemen landskap secara keseluruhan. Berikut adalah contoh pendekatan yang dimaksudkan.

<p><b>Natural</b> – The impact on the original environment and the ongoing changes</p> <p><b>Cultural</b> – Human impact or interaction with the environment</p> <p><b>Visual</b> – The landscape as perceived visually by experts or layperson</p> <p><b>Meaning</b> – The landscape has acquired meaning for individuals or group</p>
---

Jadual 3.1 Pendekatan Paine dan Taylor (1995)

Dengan kedua-dua pendekatan ini, Robert Buckle (2002) telah menggabungkannya untuk mendapat satu metodologi yang mudah dan jelas untuk menggambarkan perhubungan karektor landskap dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dalam metodologi beliau, penggunaannya hanya untuk sebuah kawasan sahaja sebagai kajian kes. Ini kerana kaedah yang digunakan membantu pengkaji sebagai petunjuk dan rujukan secara keseluruhan sesebuah landskap budaya itu. Walau bagaimanapun, ia membantu dalam perolehan maklumat secara kualitatif dan sekiranya digunakan untuk perbandingan, maka maklumat secara kuantitatif akan diperolehi. Berikut adalah jadual analisis karektor yang digunakan oleh Robert dalam kajiannya.

<b>Melnick's Characteristics</b>	<b>Natural</b>	<b>Cultural</b>	<b>Visual</b>	<b>Meaning</b>
Patterns of Spatial Organization	X	X	X	X
Land use and activities	X	X	X	X
Response to Natural Features	X	X	X	X
Cultural Tradition	X	X	X	X
Circulation Networks	X	X	X	X
Boundaries	X	X	X	X
Vegetation Related to land use	X	X	X	X
Structural Types	X	X	X	X
Cluster Arrangement	X	X	X	X
Archaeological Sites	X	X	X	X
Small-scale elements	X	X	X	X
Perceptual Qualities	X	X	X	X

Jadual 3.2 Jadual menunjukkan hubungan antara karektor Melnick dengan komponen perancang landskap budaya iaitu alam, budaya, pemerhatian dan makna.

Terdapat beberapa lagi pengkaji landskap budaya yang berkaitan dikenalpasti dalam membantu kajian ini. Walaupun kajiannya merupakan subjek karektor landskap yang sama seperti kajian Robert Buckle tetapi pendekatan metodologinya berlainan. Seorang pengkaji landskap iaitu Nor Atiah Ismail (2003) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan dengan hubungan landskap dengan budaya Melayu di Perak. Hubungan yang berpunca dari pengaruh budaya Melayu terhadap landskap ini dikaji melalui ruang dan susunatur tanaman di kawasan kediaman Melayu di Perak. Dalam pengkajian beliau, analisa secara kuantitatif melalui kaedah kajian kes digunakan untuk memperolehi data. Kaedah ini dijalankan untuk membuat perbandingan antara sembilan jenis rumah yang dipilih untuk mendapatkan hasil yang sekata. Selain itu, analisis kualitatif juga digunakan dalam temuramah dengan menggunakan soalan terbuka (open-ended questionnaire) sebagai sokongan perolehan data berkaitan dengan budaya Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa landskap Melayu mempunyai hubungan rapat dengan budaya orang Melayu sebagai keperluan hidup.

Abdullah Sani (2004) juga telah menjalankan kajian berkaitan dengan landskap budaya. Kajian yang dijalankan khusus dalam lingkungan landskap budaya Melayu dan objektif awal kajian ini adalah untuk membuktikan kewujudannya dengan mengenalpasti ciri-ciri dan karektornya. Kajian awal beliau dalam mencari ciri-ciri dan karektor landskap Melayu ialah perabot untuk landskap Melayu. Kajian ini telah menemukan jenis-jenis dan persamaan penggunaan perabot di sekitar kawasan kediaman orang Melayu. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memperolehi persamaan maklumat terhadap beberapa kajian kes yang dipilih. Teknik kualitatif yang digunakan adalah teknik untuk mengenalpasti persepsi terhadap landskap budaya secara keseluruhannya dan hubungan perabot dengan budaya Melayu. Bagi kuantitatif pula adalah untuk membuktikan wujudnya perabot-perabot ini dalam landskap Melayu iaitu dengan membuat perbandingan beberapa kediaman orang Melayu yang lain.

Kajian ini mempunyai persamaan dengan imbasan kajian di atas iaitu dari segi penggunaan kaedah yang sesuai dalam mengkaji karektor sesebuah landskap budaya. Dari sudut karektor landskap budaya, komponen-komponen yang terkandung di dalamnya membezakan sesebuah landskap budaya itu dengan yang lain. Melalui imbasan yang telah dijalankan, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian landskap budaya adalah seperti kajian kes, inventori visual dan temubual. Oleh yang demikian, dengan rujukan imbasan metodologi yang telah digunakan oleh penyelidik dalam bidang yang sama, kaedah yang sesuai dikenalpasti bagi penggunaannya dalam kajian ini.

### **3.2.2 Persoalan Kajian**

Merujuk kepada imbasan kajian di atas, pelbagai kaedah digunakan untuk mendapatkan karektor bagi sesebuah landskap budaya. Karektor berkaitan dengan budaya bangsa dan elemen-elemen yang lahir daripadanya. Walaupun begitu, tumpuan kepada objektif kajian adalah penting bagi menfokuskan matlamat dan hala tuju kajian ini. Struktur kajian juga adalah penting dalam menentukan aliran kajian dalam menentukan dan mengenalpasti karektor landskap Melayu.

Persoalan pertama adalah berkaitan dengan pemahaman terhadap Alam Melayu yang membawa kepada pengertian hubungan alam semulajadi dengan konteks kehidupan masyarakat Melayu.

**Persoalan 1:** Apakah pengertian alam Melayu?

Dalam konteks ini, definisi-definisi terhadap alam dan konteks budaya bangsa Melayu diperlukan untuk mendapat pengertian dan pemahaman tentang hubungannya. Pemahaman tentang elemen-elemen ini akan memberi gambaran yang jelas terhadap sifat alam yang mempengaruhi sistem kehidupan manusia dan demikian juga sebaliknya. Selain itu, kita dapat memahami sistem yang terbentuk di dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu iaitu dari aspek pemikiran, budaya dan kepercayaan. Oleh yang demikian, pengertian terhadap landskap Melayu dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya dapat dicapai.

Seterusnya membawa kepada persoalan bagaimana untuk mengenalpasti identiti sesebuah landskap itu dengan konteks budaya setempat.

**Persoalan 2:** Apakah karektor bagi landskap Melayu?

Persoalan ini menfokuskan kepada elemen-elemen dan komponen yang terbentuk daripada sistem kehidupan Melayu dengan alam persekitarannya. Ia bertitik-tolak dari amalan dan aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan di kawasan persekitaran kediaman. Keperluan untuk memenuhi kehendak manusia akan melahirkan peralatan-peralatan yang diperlukan. Ini menimbulkan ide dan rangsangan terhadap rekaan-rekaan peralatan bersesuaian dengan keperluan terhadap aktiviti yang dijalankan. Ini membuktikan kewujudan komponen-komponen yang terdapat di kawasan kediaman Melayu.

Persoalan ketiga memberi fokus kepada cara-cara untuk mendapatkan maklumat tentang karektor landskap budaya Melayu.

**Persoalan 3:** Bagaimana untuk mengenalpasti karektor landskap Melayu?

Dalam mengenalpasti karektor sesuatu kawasan, beberapa faktor diambil kira seperti fungsi, budaya dan kepercayaan. Pemahaman terhadap karektor dalam persoalan kedua membawa kepada struktur mendefinisikan secara terperinci karektor yang ada dalam landskap Melayu.

Persoalan-persoalan asas ini membantu dalam membentuk rangka kerja dalam memahami dan mengenalpasti karektor bagi landskap Melayu.

### **3.3 Metodologi Kajian**

Melalui imbasan kaedah atau metodologi kajian yang telah dijelaskan, terdapat banyak teknik atau kaedah yang sesuai dengan matlamat kajian digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang landskap budaya seperti kajian perintis, kaji selidik, temubual dan kajian lapangan. Kesesuaian metodologi bergantung kepada matlamat dan objektif kajian yang perlu dicapai serta hasilnya sama ada bersifat kualitatif atau kuantitatif.

#### **3.3.1 Pendekatan Kajian**

Pendekatan yang digunakan berdasarkan kepada imbasan kajian yang telah dibuat adalah dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian kes dipilih sebagai kaedah yang sesuai kerana penyelidikan ini bersifat diskriptif. Penyelidikan jenis ini menerangkan tentang keadaan semasa dalam sebuah persekitaran (Salkind, 2000) dan bersesuaian dengan pandangan Yin (1989) bahawa; Kajian kes adalah strategi pilihan yang sesuai apabila persoalan 'bagaimana' atau 'kenapa' diketengahkan, bila penyelidik tidak dapat mengawal aktiviti persekitaran dan apabila fokus kepada keadaan semasa dalam konteks sebenar. Matlamat untuk mengenalpasti karektor landskap Melayu adalah dengan membuat perbandingan kajian kes mengikut kawasan yang dipilih di Semenanjung

Malaysia bagi menunjukkan kesamaan komponen budaya yang terkandung di dalamnya. Dengan hasil kesamaan ini, karektor bagi landskap Melayu dapat dikenalpasti.

### **3.3.2 Pendekatan Secara Kualitatif dan Kuantitatif**

Kajian secara kualitatif dan kuantitatif digunakan apabila melibatkan pengkajian terhadap sosial, budaya dan persekitarannya. Ini kerana analisa data melibatkan data berbentuk fakta yang boleh dikumpul sebagai rumusan dan hasil subjektif yang hanya boleh diperolehi daripada perasaan dan pengalaman. Kajian landskap Melayu ini merangkumi kedua-duanya, yang mana dipengaruhi oleh skop sosial budaya dan pengalaman terhadap persekitarannya.

Pendekatan secara kualitatif melibatkan maklumat yang berkaitan dengan pemikiran, perasaan, pengalaman dan kepercayaan. Dalam konteks kajian ini, fokus temubual adalah berkaitan dengan pandangan dan pengalaman orang Melayu sendiri sebagai penghuni untuk menyatakan sebab kewujudan komponen-komponen yang terdapat di sekitar kawasan kediaman. Persoalan yang ditujukan lebih tertumpu kepada budaya Melayu yang lebih difahami oleh orang Melayu sendiri. Persoalan ini dibentuk adalah untuk tujuan berikut:

- i- Mengukur tahap pemikiran dan pengetahuan penghuni tentang landskap Melayu
- ii- Mengenalpasti hubungan tanaman persekitaran dengan kehidupan harian dan budaya Melayu
- iii- Mengenalpasti penjenisan tanaman mengikut kawasan laman rumah
- iv- Nilai budaya yang terkandung di dalam laman kediaman

Kajian secara kuantitatif lebih tertumpu kepada pengumpulan data secara statistik. Pendekatan ini adalah dengan membuat pemerhatian terhadap kepenggunaan komponen-komponen budaya yang terdapat di sekitar kawasan kediaman. Kalau dilihat dari sudut budaya, masyarakat Melayu mengamalkan sistem kehidupan dan amalan budaya yang

sama. Maka, jadual pengkategorian komponen-komponen mengikut kawasan (Abdullah Sani, 2004) digunakan bagi mendapatkan hasil persamaan penggunaan dalam kawasan kediaman. Berikut adalah contoh jadual yang digunakan.

Negeri	Jenis Perabot Kampung	Halaman Hadapan										
		pangkin	wakaf	pasu bunga	tempayan	gayung	gerbang	pelantar	titi	perigi	sangkar burung/ayam	pagar
	Kg Tg Buai, Teluk Sengat	●		●				●				●
	Kg. Sg. Kualu, Kukup			●								●
Johor	Kg Penyabung Pantai			●				●	●			●
	Kg Teluk Sari	●			●	●		●		●	●	●
	Kg Jawa			●								●
	Kg Kuala Linggi		●	●	●			●				●
	Kg Padang Sebong	●		●		●		●		●		
Melaka	Kg Gapis Nyalas	●		●								●
	Kg Lereh			●				●		●		
	Kg Gadek	●	●	●	●	●						●
	Kg Tanah Datar	●		●								●
	Kg Kok Talang	●		●				●	●			●
Negeri Sembilan	Kg Sikai			●				●				●
	Kg Bukit Melintang	●		●				●				●
	Kg Parit Istana			●				●				●

Jadual 3.3      Jadual perabot laman mengikut kawasan kajian yang dipilih  
(Sumber Seminar Za'ba 2005)



### 3.3.3 Kajian Kes

Kajian kes merupakan kaedah yang sesuai untuk kajian ini. Ini kerana pembuktian kewujudan landskap Melayu memerlukan keserasian sampel di seluruh kawasan kependudukan masyarakat Melayu. Dalam konteks kajian ini, pemilihan kajian kes ini merangkumi faktor-faktor yang berkaitan dengan persekitaran dan pengaruh budaya. Hubungan alam dan budaya menghasilkan komponen-komponen landskap yang digunakan dalam kehidupan harian orang Melayu. Ini bersesuaian dengan penjelasan Yin (1989) terhadap kajian kes iaitu terma yang merujuk kepada suatu peristiwa atau kejadian, individu atau sebuah analisis. Ia adalah sebuah pengkajian secara empirikal yang melibatkan kejadian dalam konteks kehidupan melalui beberapa sumber bukti. Begitu juga dengan Anderson (1993) memperlihatkan kajian kes ini berkaitan dengan persoalan bagaimana dan kenapa sesuatu itu terjadi.

Kajian terhadap landskap Melayu memerlukan beberapa kajian kes bagi membuktikan kewujudannya melalui keserasian maklumat yang diperolehi. Ini bersesuaian dengan cadangan Yin (1989) iaitu:

*Bilangan kajian kes akan mengarah kepada keserupaan, bukan sampel yang logik. Ini bermakna satu atau lebih kajian kes harus merangkumi pengkajian yang sama supaya hasilnya juga adalah serupa. Sekiranya keserupaan dijumpai dalam beberapa kajian kes ini, kita akan lebih yakin dengan hasil keseluruhannya. Proses penemuan yang tidak berubah terhadap beberapa kajian kes dan beberapa pengkajian, seterusnya akan menjurus kepada hasil yang kukuh.*

Kajian landskap Melayu meliputi seluruh penempatan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangan kajian kes dihadkan kepada tiga buah rumah setiap negeri. Ini disebabkan oleh faktor jarak kawasan kajian dan masa yang diperlukan untuk mencari dan mengenalpasti rumah yang sesuai untuk dijadikan kajian kes.

### **3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah analisis data kajian ini melibatkan beberapa kaedah iaitu kaedah temubual dan kaedah inventori. Kedua-dua kaedah ini berkait rapat dengan pendekatan kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut.

#### **3.4.1 Kaedah Temubual**

Kaedah ini dijalankan untuk mendapat maklumat tentang keadaan persekitaran melalui pemikiran, pendapat, perasaan dan perlakuan orang Melayu. Maklumat secara lisan boleh menggambarkan suasana landskap orang Melayu dan kehidupan sosial bermasyarakat. Kelemahan kaedah ini disebabkan masyarakat Melayu hari ini kurang pengetahuan terhadap budaya yang terdapat di persekitarannya. Ini disebabkan perubahan sosial dan pembangunan yang berlaku pada persekitaran kehidupan orang Melayu. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperolehi dapat memberi gambaran kasar terhadap elemen yang ada dalam landskap Melayu. Dalam menjalankan kaedah ini, beberapa teknik kajian dibuat seperti rekabentuk soalan dan jadual pemeriksaan ruang dan tumbuhan.

##### **i) Rekabentuk Soalan**

Kajian yang dijalankan ini menfokuskan kepada pembentukkan karektor sesebuah landskap. Proses untuk mengenalpasti karektor sesebuah landskap itu adalah dengan membuat pemerhatian terhadap komponen-komponen yang ada. Seterusnya sokongan kepada komponen yang ditemui adalah dengan membuat bancian soalan daripada penduduk supaya ianya sah dan bertepatan dengan rangka karektor yang dibuat.

Soalan kajian yang dibina adalah berdasarkan kepada kriteria karektor yang dikaji. Soalan ini adalah sebagai perolehan data untuk menyokong hipotesis yang dibuat. Dalam pembentukkan soalan ini, beberapa perkara diambilkira iaitu dari segi persepsi umum dan kesesuaian soalan terhadap subjek yang dikaji. Soalan ini juga adalah jenis soalan yang terbuka, 'Open-ended' supaya gambaran dapat disampaikan dengan jelas.

(Rujuk lampiran 2) Ini kerana pemikiran dan kefahaman penduduk luar bandar masih pada tahap rendah bagi memperjelaskan hubungan alam dan budaya Melayu.

## ii) **Jadual Pemeriksa Ruang dan Tanaman**

Jadual pemeriksaan ruang yang direkabentuk adalah untuk mengenalpasti tumbuh-tumbuhan dan peralatan/ perabot laman yang ada di persekitaran rumah Melayu. Melalui kajian Nor Atiah Ismail (2003), ruang rumah terbahagi kepada tiga iaitu laman hadapan, laman sisi dan laman belakang. Setiap ruang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan penelitian ini dapat membuktikan kehadiran elemen-elemen landskap mengikut fungsinya. Berikut adalah contoh jadual pemeriksaan ruang:

### **3.4.2 Kaedah Inventori**

Persepsi manusia terhadap sesuatu tempat atau kawasan selalunya berkaitan dengan estetika. Terdapat beberapa elemen yang mempengaruhi estetika sesuatu tempat itu seperti alam semulajadi, komposisi, bentuk, karektor, deria, perasaan dan gaya rupa. Dalam konteks kajian ini, karektor menjadi perkara utama dalam mengetengahkan landskap Melayu. Berikut adalah beberapa faktor yang mempengaruhi karektor sesuatu tempat.

- i- Keadaan persekitaran
- ii- Keseimbangan
- iii- Pergerakan
- iv- Kesamaan
- v- Konteks
- vi- Aturan/ susunan
- vii- Corak
- viii- Perasaan
- ix- Estetika dan gaya rupa

Setiap faktor-faktor ini memberi impak kepada identiti sesuatu tempat dari segi budaya dan bangsa. Imej rakaman bagi suasana kawasan penting kerana ianya berkaitan dengan persepsi manusia. Dengan kaedah ini, penjelasan terhadap setiap karektor yang telah dinyatakan di atas mempunyai hasil maklumat yang sama.


Dalam landskap Melayu, identifikasi terhadap komponen-komponen landskap Melayu dinyatakan pada satu nama tetapi pada keadaan sebenarnya mempunyai pelbagai bentuk, warna, saiz dan gaya rupa yang berbeza. Misalnya, tempayan yang berfungsi untuk menakung air mempunyai perbezaannya dengan yang lain. Antara perbezaan yang ketara pada tempayan ialah bentuk lembungnya, saiz mulut dan telinganya. Ianya berkaitan dengan fungsi, kedudukan tempat dan berkemungkinan merujuk kepada keadaan status. Rumah padi atau kepok padi atau jelapang, adalah contoh lain yang mempunyai perbezaan dari segi nama dan bentuk mengikut kawasan. Komponen ini wujud mengikut kawasan kehidupan persekitarannya dan bentuk yang lahir pada rupa bentuk komponen dipengaruhi oleh budaya setempat.

Walaupun terdapat banyak perbezaan dari segi rupa bentuk komponen ini, namun ianya masih lagi di bawah kategori komponen yang sama. Rakaman imej komponen-komponen ini perlu untuk tujuan penjenisan, identifikasi gaya rupa secara terperinci sama ada mempunyai kaitan dengan fungsi, perletakkan, kawasan jajahan dan budaya. Bersesuaian dengan kajian ini, persamaan yang wujud di antara kajian kes yang dipilih akan mengetengahkan semula karektor landskap Melayu.

### **3.5 Kaedah Analisa Data**

Analisis kajian merangkumi faktor-faktor alam persekitaran, budaya, visual dan makna, sepertimana yang telah dijalankan oleh Robert Buckle dalam kajiannya. Seterusnya faktor-faktor ini akan digunakan dalam kaedah *Layer-Cake Relationship* (Fredrick Steiner, 1991) bagi analisis kajian kes di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Model yang telah dibina oleh Ian Mc. Harg (1971) ini biasanya digunakan pada kawasan-kawasan yang kaya dengan elemen semulajadi dan budaya. Objektif utama


model ini adalah untuk mengenalpasti potensi dan had kawasan kajian bagi membina garis panduan rekabentuk untuk pembangunan. Dalam hal ini, kaedah ini digunakan untuk mengenalpasti elemen-elemen semulajadi dan budaya yang dapat membantu membina karektor landskap Melayu, sekaligus menyumbang kepada pembinaan garis panduan rekabentuk landskap tempatan. Berikut adalah contoh kaedah *Layer-Cake Relationship* yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.0 Model *Layer-Cake Relationship* (Fredrick Steiner, 1991)


Kaedah ini diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini yang melibatkan bilangan kajian kes yang besar. Merujuk kepada ubahsuaian yang telah dilakukan oleh Nor Atiah Ismail (2003) dalam kajiannya, membantu dalam mengaplikasikannya dalam kajian ini.

Dalam teknik lapisan ini, perbandingan antara elemen-elemen yang terdapat pada setiap kampung di setiap negeri akan memperoleh data secara kumpulan untuk membentuk satu karektor. Berikut adalah konsep teknik lapisan yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.1 Kaedah lapisan bagi mengenalpasti karektor landskap Melayu secara keseluruhan

Dalam analisis ini, beberapa peringkat analisis dijalankan untuk mendapat hasil data setiap karektor landskap Melayu di setiap negeri. Merujuk kepada kaedah yang telah digunakan oleh Nor Atiah, terdapat dua peringkat analisis yang dijalankan iaitu peringkat analisis secara mikro dan seterusnya merangkumkannya secara makro. Maka dalam kajian ini, peringkat analisis ini boleh diaplikasikan dan digunakan untuk mengenalpasti karektor landskap Melayu. Berikut adalah gambaran aliran kaedah lapisan yang dijalankan dalam kajian ini.



Rajah 3.2 Konsep kaedah lapisan yang digunakan untuk mengenalpasti karektor landskap Melayu

Pada peringkat mikro, analisis landskap di setiap kampung akan dilapiskan bagi mendapat kesamaan dari segi elemen dan komponen landskap Melayu bagi merangkumkannya sebagai karektor bagi setiap negeri. Seterusnya senarai data ini akan dianalisis pada peringkat makro iaitu membandingkan persamaan data setiap negeri bagi membentuk karektor landskap Melayu secara keseluruhan. Butiran analisis kajian ini akan dibincangkan dalam bab lima.

### **3.6 Rumusan**

Bab ini menghuraikan proses rekabentuk penyelidikan yang menfokuskan kepada kaedah pengumpulan data dan proses analisis data. Dalam proses ini, imbasan kajian berkaitan telah dijalankan untuk mendapat kaedah-kaedah yang telah digunakan dalam subjek yang sama. Dalam menjalankan kajian ini, pengumpulan maklumat secara inventori digunakan untuk menganalisis imej bagi sesebuah landskap itu. Sebilangan kajian kes mengikut kawasan tertentu dipilih untuk dijadikan sampel kajian ini. Ini bertujuan untuk mendapat kebarangkalian penggunaan elemen dan komponen budaya di dalam halaman kediaman yang menjadi karektor dan identiti sesebuah tempat. Persamaan yang dicapai melalui kaedah yang digunakan dalam kajian ini akan membentuk senarai komponen yang membentuk karektor landskap Melayu. Dengan ini, objektif kajian dapat tercapai dengan mengenalpasti karektor landskap Melayu dan membuktikan kewujudannya dalam dunia Melayu.



## **BAB 4**

### **KAJIAN KES**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan tentang kajian kes yang telah dipilih untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan landskap Melayu. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan beberapa kriteria sepertimana yang telah diterangkan dalam bab tiga iaitu faktor-faktor yang berkaitan dengan elemen-elemen yang berkaitan dalam masyarakat Melayu seharian dan unsur-unsur alam persekitarannya. Dalam kajian ini, beberapa permasalahan kajian yang berkaitan dengan kajian kes iaitu jarak dan masa. Maka, skop kajian yang dijalankan meliputi lima buah kediaman di setiap negeri di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Pemilihan kajian kes pula diambil secara rawak disebabkan oleh jarak kawasan kajian dan mengikut kriteria yang dikenalpasti.

#### **4.1 Kajian Kes**

Kajian kes dipilih mengikut kriteria yang tertentu. Pemilihan ini memberi penumpuan kepada faktor-faktor seperti senibina, struktur ruang dan elemen-elemen

budaya. Setiap faktor ini penting dalam menentukan jenis rumah yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, Melayu merupakan sub-subjek kajian dan ini membawa kepada konteks kehidupan masyarakat Melayu. Kehidupan masyarakat Melayu penuh dengan adat dan budaya yang menjadi tulang belakang kepada identiti bangsa.

Pelbagai bentuk senibina yang boleh ditemui di Malaysia dari rumah vernakular Melayu iaitu rumah tradisi Melayu, rumah kolonial semasa zaman penjajah hinggalah ke hari ini dengan rekabentuk rumah jenis kontemporari. Walau bagaimanapun, kajian ini memberi fokus kepada subjek dalam lingkungan tradisi dan tradisional yang menjuruskan kepada pemilihan rumah tradisi Melayu.

Rumah Melayu dan rumah bangsa lain berbeza dari segi elemen-elemen persekitaran yang ada. Kawasan persekitaran rumah Melayu kebiasaannya terdapat elemen-elemen yang berkaitan dengan budaya dan sistem kehidupan seharian orang Melayu. Ini jelas dapat dilihat di sekitar rumah Melayu yang ditanam dengan tumbuh-tumbuhan dan peralatan yang digunakan untuk kehidupan harian. Perabot laman merupakan sebahagian daripada elemen ini. Perabot yang dikenalpasti seperti tempayan, guri, pangkin, pelantar, bangsal dan reban. Setiap komponen ini dikatakan sebagai sebahagian daripada set budaya yang melengkapi kehidupan di sekitar rumah Melayu. Sebagai contohnya, tempayan diletakkan dikawasan tepi tangga. Ia menjadi sebahagian set budaya Melayu yang mana kebiasaannya masyarakat Melayu akan mencuci dan membersihkan kaki sebelum naik ke atas rumah. Selain itu, jenis dan susun atur ruang juga menjadi sebahagian daripada kriteria kajian. Ini adalah kerana pecahan ruang-ruang yang terdapat di persekitaran rumah mempunyai fungsi dan penggunaannya yang tertentu dan memberi impak kepada jenis-jenis tanaman dan komponen laman yang terkandung di dalamnya. Oleh sebab itu, komponen-komponen yang terkandung di persekitaran rumah Melayu juga diambil sebagai kriteria kajian bagi membantu pemilihan kajian kes.

## **4.2 Kriteria Kajian Kes**

Pemilihan sesebuah kawasan kediaman masyarakat Melayu sebagai kajian kes landskap Melayu berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu struktur fizikal, ruang,

elemen-elemen budaya dan persekitarannya. Pemilihan ini penting bagi menentukan kesesuaian dan kandungan yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian ini.

#### **4.2.1 Struktur Fizikal**

Dalam membuktikan kewujudan landskap Melayu, struktur fizikal adalah faktor utama dalam senarai pemilihan. Ini kerana dari sudut pemerhatian dan inventori, struktur fizikal seperti rumah kediaman Melayu adalah komponen utama dalam landskap Melayu.

Peranan rumah tradisional Melayu sebagai komponen utama dalam landskap Melayu adalah merujuk kepada sistem kehidupan harian orang Melayu dan elemen-elemen persekitaran yang berkait dengannya. Sistem kehidupan yang terkandung dalam struktur ini mewujudkan komponen-komponen lain seperti pangkin, tempayan, wakaf, reban, bangsal dan lain-lain bagi mencapai kesempurnaan dan keseimbangan hidup. Selain itu, rumah tradisional Melayu merupakan simbol utama dalam menentukan kediaman Melayu. Ini kerana banyak elemen-elemen budaya terkandung dalam binaan yang boleh diinterpretasikan sebagai budaya Melayu.

Walau bagaimanapun, keadaan semasa telah banyak mempengaruhi perubahan terhadap sistem struktur ini. Perubahan masa yang melibatkan faktor politik, teknologi, ekonomi dan sosial banyak mengubah sistem kehidupan dalam konteks kediaman masyarakat Melayu. Perubahan struktur kediaman berdasarkan keadaan semasa mengakibatkan kehilangan komponen-komponen penting dalam sistem kediaman Melayu tradisi seperti kolah, tempayan, gayong dan perigi/telaga. Oleh sebab itu, dalam konteks kajian ini, rumah tradisional tidak ditekankan sebagai faktor utama pemilihan tetapi kandungan yang terdapat di dalamnya. Ini kerana penggunaan komponen-komponen yang terdapat di dalam kawasan kediaman menandakan terdapat sistem kehidupan harian masyarakat Melayu yang masih aktif yang boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada sampel kajian. Berikut adalah beberapa contoh rumah tradisi yang ditemui melalui inventori kajian.




Gambar 4.0 Kg. Ulu Melaka, Langkawi



Gambar 4.1 Kg. Sg. Kual, Pontian, Johor

#### 4.2.2 Ruang

Dalam lanskap Melayu terdapat pembahagian ruang tertentu berdasarkan kepada fungsi ruang itu tersendiri. Merujuk kepada kajian Nor Atiah Ismail(2003), organisasi ruang dalam lanskap Melayu boleh dibahagikan kepada tiga iaitu ruang hadapan, ruang sisi dan ruang belakang. Berikut adalah contoh ruang-ruang yang terkandung dalam lanskap Melayu.



Rajah 4.0 Konsep pelan struktur ruang dalam lanskap Melayu

Setiap ruang mempunyai fungsinya yang tersendiri dan jenis tanaman serta komponen-komponen yang terdapat di kawasan ini mempunyai perkaitan dengannya.

Ruang hadapan merupakan kawasan yang menghadap ke laluan utama atau jalan masuk. Ruang ini biasanya berfungsi sebagai ruang serbaguna yang mana digunakan

sebagai tempat aktiviti budaya seperti kenduri-kendara dan permainan tradisional. Ini ditunjukkan dalam gambar 4.2 yang memperlihatkan keadaan persekitaran terbuka dan kesesuaiannya dengan fungsi yang dinyatakan. Tanaman yang terdapat di ruangan ini biasanya terdiri daripada tanaman hiasan yang berbunga, berbau dan bersaiz kecil. Contohnya seperti gambar 4.3 dan 4.4 menunjukkan tanaman yang biasa ditanam untuk mewujudkan suasana yang menarik, nyaman dan menaikkan seri tampak rumah kediaman.



Gambar 4.2 Kg. Baru Nyalas, Jasin, Melaka



Gambar 4.3 Pokok bunga kertas




Gambar 4.4 Pokok puding


Ruang sisi biasanya ditanam dengan tanaman rimbun yang berbuah dan juga kesinambungan tanaman dari ruangan hadapan dan belakang. Selain dari tanaman buah-buahan, terdapat juga tanaman yang ditanam untuk tujuan perubatan. Kebiasaan masyarakat Melayu menggunakan ruang sisi ini sebagai tempat beristirahat, berteduh dan menjalankan aktiviti masyarakat seperti meraut, menganyam dan sebagainya. Melalui gambar 4.5 hingga 4.8 memperlihatkan beberapa komponen yang berkait dengan aktiviti-aktiviti ini boleh dijumpai di kawasan kediaman seperti pangkin dan jelapang atau kepok padi.



Gambar 4.5 Pangkin



Gambar 4.6 Pangkin



Gambar 4.7 Kepok padi



Gambar 4.8 Jelapang

Ruang belakang pula adalah kawasan yang berhampiran dengan dapur. Ruang ini biasanya ditanam dengan tanaman-tanaman yang digunakan untuk memasak seperti serai, pandan, kunyit, kesum, kari, selasih dan keladi, serta tanaman dusun seperti pokok buah-buahan. Gambar 4.9 dan 4.10 memperlihatkan beberapa tanaman yang terdapat di kawasan halaman belakang. Selain itu, Gambar 4.11 hingga 4.14 menunjukkan komponen-komponen yang biasa dijumpai di ruang ini seperti bangsal, reban, kolam, tandas dan bilik mandi.



Gambar 4.9 Pokok pisang



Gambar 4.10 Serai dan kunyit



Gambar 4.11 Kolam



Gambar 4.12 Bangsal





Gambar 4.13 Tandas



Gambar 4.14 Ruang mandi

### 4.2.3 Elemen-elemen Semulajadi

Elemen-elemen semulajadi yang terdapat di persekitaran rumah Melayu mempunyai perkaitan dengan kehidupan harian. Setiap sudut ruang di sekitar rumah di tanam dengan tumbuhan pelbagai jenis mengikut fungsi dan kegunaannya pada ruang itu. Tumbuh-tumbuhan yang ditanam di sekitar kawasan rumah berfungsi sebagai pokok hiasan, sumber makanan, bahan untuk memasak, ubat-ubatan dan juga pagar.

Tumbuh-tumbuhan yang berbunga, berwarna, renek dan mempunyai bau di tempatkan di ruangan hadapan. Fungsi tanaman ini adalah sebagai pokok hiasan dan seterusnya mewujudkan suasana menerima kehadiran tetamu (sense of welcoming). Pokok-pokok hiasan biasanya berwarna-warni, berbau dan bersaiz kecil. Ini bertujuan untuk memberi seri kepada tampak hadapan rumah. Pokok-pokok hiasan yang biasa ditanam di ruangan ini adalah seperti pokok bunga Melor, siantan, kenanga, pokok bunga tanjung, kerak nasi dan seri pagi. Gambar 4.15 dan 4.16 berikut adalah contoh-contoh imej bunga yang ditanam di ruangan hadapan rumah.



Gambar 4.15 Pokok bunga jenjarum



Gambar 4.16 Pokok kenanga

Pokok buah-buahan seperti rambutan, mangga, ciku, belimbing dan pisang, biasanya ditanam di ruangan sisi dan di belakang rumah. Kebiasaannya tanaman yang terdapat di ruang sisi rumah bersaiz besar dan mempunyai teduhan yang luas. Ini bersesuaian dengan fungsinya sebagai kawasan istirehat seperti mana dalam gambar 4.17 berikut.



Gambar 4.17 Pokok mangga sebagai teduhan

Kawasan belakang rumah biasanya ditanam dengan tanaman buah-buahan dan tanaman untuk masakan. Kebiasaannya tanaman yang terdapat di kawasan ini lebih tertumpu kepada penggunaannya terhadap fungsi dapur. Pokok-pokok yang terdapat di kawasan ini bersaiz besar, nilai estetik yang kurang dan penanamannya berselerak. Pokok yang biasa ditanam dikawasan ini adalah seperti pokok pisang, pokok pandan, serai, pelbagai pokok limau seperti limau purut dan limau kasturi, pokok kari dan sebagainya. Gambar 4.18 dan 4.19 berikut adalah contoh tanaman yang biasa ditanam di ruang ini.



Gambar 4.18 Pokok pisang dan serai



Gambar 4.19 Pokok pandan

#### 4.2.4 Elemen-elemen Budaya

Budaya merupakan elemen penting dalam pembentukan sebuah landskap. Kenyataan Mitchell (1994), landskap adalah amalan budaya, membuktikan bahawa landskap Melayu juga mempunyai hubungan dengan budayanya. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam amalan kehidupan harian dan adat budaya yang diamalkan dalam masyarakat.

Dalam masyarakat Melayu, budaya merangkumi amalan kehidupan harian dan juga amalan kepercayaan yang diamalkan sejak dahulu lagi. Kedua-duanya melibatkan penggunaan elemen alam persekitaran sebagai pelengkap struktur kehidupan dalam masyarakat Melayu. Dari konteks kehidupan harian, masyarakat Melayu memerlukan elemen persekitaran untuk menjalankan aktiviti harian seperti berladang, berkebun,

menanam padi, menternak haiwan ternakan dan menangkap ikan. Budaya kehidupan orang Melayu di kawasan kediaman merangkumi elemen alam, peralatan-peralatan pertukangan atau pertanian dan perabot sebagai pelengkap. Setiap komponen ini melengkapkan amalan harian atau budaya hidup orang Melayu di kawasan kediaman. Komponen-komponen yang biasa dijumpai di kawasan kediaman adalah seperti bangsal, reban, jelapang, pangkin dan para.

Dari segi amalan adat istiadat dan kepercayaan Melayu, penggunaan elemen-elemen persekitaran adalah sebagai satu bentuk lambang atau simbolisme bagi menyatakan sesuatu dalam bentuk tersirat. Kebiasaannya elemen ini akan digunakan dalam upacara-upacara adat tertentu. Setiap orang Melayu akan melalui lingkaran kehidupan iaitu dari semenjak lahir hinggalah mati. Dalam putaran kehidupan mengandungi adat mengikut tahap umur iaitu tahap bayi, kanak-kanak, remaja, bujang, berkahwin, beranak, bersuami isteri, bercucu-cicit dan mati. Setiap tahap ini mempunyai adatnya tersendiri, misalnya ketika tahap bayi, terkandung adat melenggang perut, menempah bidan, mandi sampat, potong pusat, naik buaian, mencecah tanah dan adat bercukur. Tahap berkahwin pula terkandung adat merisik, meminang, berinai berendam, mandi hias, menyalang dan berkampung (Zainal Abidin Borhan *et. al.*, 1996). Dalam adat-adat ini, pelbagai bentuk upacara yang dijalankan dengan menggunakan bahan-bahan alam seperti sirih, daun inai, pandan, pinang, limau dan sebagainya. Sebagai contohnya sirih adalah sebagai bahan utama dalam upacara-upacara seperti bertunang dan bersanding. Kebiasaannya sirih ini akan disusun dan dihias dalam tepak sirih dan atas dulang. Sirih yang disusun di atas dulang dipanggil sebagai sirih junjung.



Gambar 4. 20 Sirih junjung



Gambar 4.21 Perarakan sirih junjung

(Sumber: [www.pnm.my/sirihpinang](http://www.pnm.my/sirihpinang))

Selain itu, masyarakat Melayu menggunakan bahan alam sebagai bahan perubatan. Dunia perubatan Melayu meliputi pengaruh kuasa alam seperti terdapat dalam sejarah kepercayaan Melayu. Walaupun evolusi kepercayaan telah lama berlaku, tetapi ia masih kekal diwarisi dalam budaya Melayu. Dukun, pawang dan bomoh merupakan orang yang berperanan dalam melaksanakan tugas ini dengan cara ‘menurun’ dan juga dengan jampi mantera. Pelaksanaan perubatan ini memerlukan elemen-elemen alam seperti air pinang, pinang, sirih, kapur, gambir dan sebagainya. Ia adalah sebagai perantara untuk berkomunikasi dengan kuasa halus. Selain daripada perubatan batin ini, perubatan secara fizikal juga diamalkan oleh masyarakat Melayu. Perubatan ini lebih kepada akar kayu dan tumbuhan herba. Keperluan perubatan ini menyebabkan banyak tumbuhan herba dan ubat-ubatan dijumpai di sekitar kawasan kediaman bagi memudahkan penghuni mendapatkannya.

Ini menunjukkan alam Melayu itu suatu persekitaran yang lengkap dari segi hubungan alam dengan manusia. Maka dengan itu, kefahaman terhadap budaya Melayu adalah salah satu faktor yang amat penting dalam mengenalpasti sampel yang sesuai untuk kajian ini.

### 4.3 Rumusan

Dalam kajian ini, pemilihan sampel kajian kes memerlukan beberapa kriteria penting bagi menentukan kesesuaiannya. Kefahaman terhadap setiap kriteria adalah perlu bagi memperjelaskan setiap pemilihan sampel landskap. Ini merangkumi struktur fizikal, ruang laman, elemen semulajadi dan elemen budaya.

Pemilihan sampel melalui struktur fizikal adalah salah satu cara menentukan jenis yang dipilih. Rumah tradisional yang memiliki elemen-elemen budaya adalah rujukan yang paling sesuai. Namun, dewasa ini rumah ini tidak lagi kelihatan secara jelas. Ini disebabkan oleh pembangunan yang berlaku terhadap struktur bangunan tersebut. Oleh yang demikian, pemilihan sampel yang dibuat lebih tertumpu kepada rumah yang masih mempunyai tradisi masyarakat Melayu melalui struktur kehidupan di persekitarannya. Struktur ini terdiri daripada komponen-komponen budaya kehidupan yang terkandung di kawasan persekitaran kediaman seperti wakaf, pangkin, reban, kolah, kolam, tempayan, guri, lesung, jelapang, perigi dan perunan.

Pengaruh fungsi ruang memainkan peranan dalam menentukan jenis tanaman, saiz dan skala, serta kegunaan tanaman. Tanaman yang terdapat di setiap ruang memberi impak terhadap fungsi ruang-ruang yang terdapat di persekitaran. Misalnya, laman hadapan adalah sebagai ruang untuk menyambut tetamu atau ruang aktiviti masyarakat. Tanaman yang terdapat di kawasan ini mempunyai saiz yang kecil, berwarna dan berbau wangi. Ia berfungsi untuk mewujudkan '*sense of welcoming*' terhadap ruang ini. Selain itu, tanaman ini ditanam dalam pasu supaya fleksibel untuk tujuan aktiviti kemasyarakatan. Begitu juga dengan ruang-ruang yang lain, fungsi ruang mempengaruhi jenis tanaman saiz dan kegunaannya.

Budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat adalah lahir dari sistem kehidupan seharian yang melibatkan penyesuaian diri terhadap alam persekitaran. Penyesuaian ini melibatkan kelakuan manusia terhadap sifat alam. Pengaruh ini mewujudkan komponen-komponen budaya dalam kawasan laman Melayu seperti perabot laman. Komponen-komponen ini melengkapkan set budaya di kawasan kediaman dan juga menjadi karektor penting dalam landskap Melayu. Maka dengan itu, kefahaman

terhadap budaya Melayu adalah perkara penting dalam mengenalpasti karektor landskap Melayu dan menentukan sampel sesuai untuk kajian ini.

## **BAB 5**

### **ANALISA KAJIAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan analisis data melalui kaedah-kaedah kajian yang dipilih sepertimana diterangkan dalam bab tiga. Kajian ini melibatkan kajian kes yang dipilih secara rawak di kawasan Semenanjung Malaysia berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenalpasti. Metodologi yang digunakan adalah dengan kaedah pemerhatian untuk mengenalpasti elemen-elemen dan komponen-komponen yang ada dipersekitaran kawasan kediaman Melayu dan dokumentasi melalui temubual sebagai sokongan data secara kualitatif.

#### **5.1 Analisis tinjauan**

Melalui analisis tinjauan yang dijalankan terdapat dua aspek nilai yang dikenalpasti mempengaruhi landskap di kawasan kampung Melayu iaitu fungsi dan budaya. Berdasarkan kepada analisis yang diperolehi, tanaman dan peralatan atau perabot laman yang dikenalpasti dipengaruhi oleh fungsi dan kegunaannya pada kawasan tertentu. Selain itu, elemen-elemen budaya Melayu juga dikenalpasti sebagai asas atau




penyokong terhadap kewujudan komponen-komponen laman ini. Analisis dijalankan terhadap dua konteks persekitaran iaitu kajian secara makro iaitu melibatkan pengaruh persekitaran luaran terhadap elemen-elemen dalam kawasan kediaman dan seterusnya kajian secara mikro terhadap hubungan elemen landskap terhadap fungsi dan kegunaan terhadap ruang kediaman. Perincian analisis dibincangkan seperti di bawah.

### **5.1.1 Kajian Makro Persekitaran**

Kajian secara menyeluruh memperlihatkan konteks keseluruhan yang mempengaruhi elemen-elemen landskap yang terdapat di kawasan kediaman iaitu dari aspek budaya kehidupan masyarakat Melayu. Setiap petempatan masyarakat Melayu mempunyai karektor tersendiri yang berasaskan kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kawasan persekitaran. Ini juga dapat dilihat dari komponen-komponen yang terdapat di kawasan kediaman. Melalui kajian yang telah dijalankan, terdapat tiga kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan pantai, kawasan tanah datar dan kawasan pedalaman. Ketiga-tiga kawasan ini mempunyai karektor yang berbeza iaitu dari segi budaya hidup dan aktiviti-aktiviti seharian. Ini dilihat dari konteks persekitarannya yang melibatkan kegunaan tanah pada sesuatu kawasan seperti perikanan, pertanian, penternakan dan pekebunan.

Komponen-komponen yang terdapat di kawasan kediaman menunjukkan kesesuaian fungsinya terhadap kawasan persekitarannya sama ada ruang dalam rumah atau kawasan luar kediaman. Contohnya seperti jelapang padi yang berkesesuaian dengan kawasan sawah padi. Rajah 5.0 menunjukkan konsep pengaruh kawasan persekitaran pada konteks laman kediaman rumah dan memperjelaskan kesesuaian fungsi perabot laman.



Rajah 5.0 Peringkat pengaruh persekitaran terhadap konteks komponen dan elemen landskap kediaman rumah Melayu

Berdasarkan rajah di atas, keadaan landskap dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan persekitaran mempengaruhi konteks persekitaran kediaman rumah. Analisis secara makro ini merangkumi corak struktur kawasan, aktiviti kegunaan tanah, tradisi budaya, jalan perhubungan, batas sempadan, tanaman berkaitan kegunaan tanah, jenis struktur binaan, elemen-elemen berskala kecil dan kualiti persepsi. Aspek-aspek ini menggambarkan dan memperjelaskan kewujudan komponen berdasarkan kepada budaya hidup di sesuatu kawasan seperti terdapat dalam data-data dalam jadual 5.0 berikut.

<b>Karektor</b>	<b>Alam Semulajadi</b>	<b>Budaya</b>	<b>Pemerhatian</b>	<b>Makna</b>
<b>Corak Struktur kawasan</b>	Kawasan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perikanan</li> <li>- Penternakan</li> <li>- Pengangkutan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perahu</li> <li>- Pangkin</li> <li>- Para</li> <li>- Titi</li> <li>- Kandang</li> <li>- Reban</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti perikanan</li> <li>- Aktiviti penternakan</li> </ul>
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertanian</li> <li>- Kebun</li> <li>- Penternakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kolam</li> <li>- Bangsal</li> <li>- Kandang</li> <li>- Reban</li> <li>- Ladang</li> <li>- Sawah</li> <li>- Dusun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti pertanian</li> <li>- Aktiviti penternakan</li> <li>- Aktiviti pekebunan</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perladangan</li> <li>- Kebun</li> <li>- Penternakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bangsal</li> <li>- Reban</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti perladangan</li> <li>- Aktiviti pekebunan</li> <li>- Aktiviti penternakan</li> </ul>
<b>Aktiviti dan kegunaan tanah</b>	Kawasan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan kediaman</li> <li>- Kawasan penternakan</li> <li>- Kawasan perikanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan kediaman</li> <li>- Kawasan penternakan</li> <li>- Kawasan pekebunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan kediaman</li> <li>- Kawasan penternakan</li> <li>- Kawasan pekebunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> </ul>
<b>Tradisi budaya</b>	Kawasan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis dan senireka binaan</li> <li>- Aktiviti pantai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Binaan vernakular berpanggung</li> <li>- Tanah berpasir</li> <li>- Perahu</li> <li>- Jeti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> <li>- Aktiviti memancing dan mandi-manda</li> </ul>
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis dan senireka binaan</li> <li>- Aktiviti berhubungan landskap persekitaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Binaan vernakular berpanggung</li> <li>- Parit, Alur, Sawah, Tali air</li> <li>- Kebun, dusun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran pekerjaan</li> <li>- Aktiviti permainan di kawasan persekitaran.</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Binaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persekitaran</li> </ul>

		senireka binaan - Aktiviti dalam persekitaraan pedalaman	vernakular berpanggung - Kebun, dusun	pekerjaan - Aktiviti permainan kanak-kanak
<b>Jalan perhubungan</b>	Kawasan pantai	- Tidak bergrid	- Jalan berstruktur (tar) - Jalan tidak berstruktur (jalan pantai)	- Jalan pantai ke kawasan pantai dan jeti - Jalan perhubungan kediaman dan kediaman
	Tanah datar	- Jalan dalam - Mengikut persekitaran tanah	- Jalan tar - Denai	- Jalan kecil dan lorong untuk ternakan - Jalan perhubungan kediaman
	Pedalaman	- Jalan dalam - Mengikut persekitaran tanah	- Jalan tar - Denai	- Jalan kecil dan lorong untuk ternakan dan kebun - Jalan perhubungan kediaman
<b>Batas sempadan</b>	Kawasan pantai	- Perimeter jalan & pantai	- Jalan - Denai - Pokok kelapa	- Pembahagi kawasan dengan menggunakan elemen persekitaran
	Tanah datar	- Jalan, alur & parit	- Jalan - Denai - Pokok kelapa - Pokok pinang - Pokok puding - Pokok buluh cina	- Elemen alam sebagai penanda sempadan - Jalan raya jaringan sempadan
	Pedalaman	- Jalan & Alur	- Jalan - Denai - Pokok kelapa - Pokok pinang - Pokok puding - Pokok buah-buahan	- Elemen alam sebagai penanda sempadan - Mudah diperolehi dan sebahagian daripada landskap persekitaran
<b>Tanaman berkaitan</b>	Kawasan pantai	- Kebun - Kandang	- Kelapa - Kandang	- Kebun keluarga / persendirian

<b>kegunaan tanah</b>			<ul style="list-style-type: none"> <li>lembu dan kambing</li> <li>- Reban ayam</li> </ul>	
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bendang</li> <li>- Ladang</li> <li>- Kebun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sawah</li> <li>- Kelapa</li> <li>- Kandang lembu dan kambing</li> <li>- Reban ayam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebun keluarga / persendirian</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ladang</li> <li>- Kebun</li> <li>- Dusun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelapa</li> <li>- Getah</li> <li>- Buah-buahan</li> <li>- Tanam-tanaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebun keluarga / persendirian</li> </ul>
<b>Jenis struktur binaan</b>	Kawasan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah kediaman</li> <li>- jeti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah</li> <li>- reban</li> <li>- kandang</li> <li>- pangkin</li> <li>- perigi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan keperluan peralatan hidup seharian</li> </ul>
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah kediaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah</li> <li>- reban</li> <li>- kandang</li> <li>- pangkin</li> <li>- perigi</li> <li>- bangsal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan keperluan peralatan hidup seharian</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah kediaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- rumah</li> <li>- reban</li> <li>- kandang</li> <li>- pangkin</li> <li>- perigi</li> <li>- bangsal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan keperluan peralatan hidup seharian</li> </ul>
<b>Elemen-elemen berskala kecil</b>	Kawasan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pagar</li> <li>- Perabot laman</li> <li>- Alatan perikanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pagar</li> <li>- Pangkin</li> <li>- Tempayan</li> <li>- Guri</li> <li>- Reban</li> <li>- Tandas</li> <li>- Jala</li> <li>- Serkup</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan peralatan seharian</li> </ul>
	Tanah datar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pagar</li> <li>- Perabot laman</li> <li>- Alatan pekebunan dan pertanian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pagar</li> <li>- Pasu bunga</li> <li>- Pangkin</li> <li>- Tempayan</li> <li>- Guri</li> <li>- Reban</li> <li>- Tandas</li> <li>- Serkup</li> <li>- Jelapang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan peralatan seharian</li> </ul>
	Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perabot laman</li> <li>- Alatan pekebunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pasu bunga</li> <li>- Pangkin</li> <li>- Tempayan</li> <li>- Guri</li> <li>- Reban</li> <li>- Kandang</li> <li>- Serkup</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemudahan dan peralatan seharian</li> </ul>

<b>Kualiti persepsi</b>	Kawasan pantai	- Persekitaran pekerjaan	- Fokus kepada aspek fungsi komponen	- Persekitaran pekerjaan
	Tanah datar	- Persekitaran pekerjaan	- Fokus kepada aspek fungsi komponen - Penekanan pada aspek estetika pada laman hadapan	- Persekitaran pekerjaan
	Pedalaman	- Persekitaran pekerjaan	- Fokus kepada aspek fungsi komponen - Sebahagian penekanan terhadap aspek estetika pada laman hadapan	- Persekitaran pekerjaan

Jadual 5.0      Jadual karektor Melnick dan empat komponen bagi landskap budaya iaitu alam semulajadi, budaya, pemerhatian dan makna (sumber: Robert Buckle, 2002)

### 5.1.2 Kajian Secara Mikro

Pemilihan kajian kes adalah berdasarkan pemilihan sampel secara rambang, walaupun terdapat beberapa ciri pemilihan yang perlu diambil kira. Tujuan utama kaedah ini adalah untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan komponen-komponen landskap bagi mengetahui perubahan yang terdapat pada setiap rumah kediaman di kawasan yang berbeza. Seterusnya menyenaraikan komponen-komponen yang dijumpai sebagai asas dalam proses kajian. Data analisis yang diperolehi merangkumi dokumentasi pelan struktur kawasan kediaman yang mengandungi susunatur tanaman, perabot laman dan fungsi komponen-komponen landskap. Data inventori boleh dirujuk dalam lampiran 3. Selain itu, data juga mengklasifikasikan tanaman dalam beberapa kategori iaitu makanan, ubatan, kosmetik, dekorasi dan teduhan sepertimana yang terdapat dalam kajian yang dijalankan oleh Nor Atiah Hj. Ismail (2003). Data-data menerusi jadual 5.1 dan 5.2



12	Pokok ceri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
13	Sukun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	<b>S. MAKANAN &amp; PERUBATAN (HERBA)</b>										
1	Belimbing buluh	M,U	3	M,U	2	-	-	M,U	3	-	-
2	Serai	M,U	3	-	-	M,U	3	M,U	2	-	-
3	Lengkuas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Limau purut	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5	Limau kasturi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
6	Limau nipis	M,U	3	-	-	-	-	-	-	-	-
7	Daun kari	-	-	-	-	M,U	3	-	-	-	-
8	Inai	-	-	-	-	-	-	U,K	2	-	-
9	Halia	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
10	Kunyit	M	3	-	-	-	-	-	-	-	-
11	Daun pandan	M,K	3	-	-	M,K	3	-	-	M,K	2
12	Cili api	-	-	-	-	M	3	-	-	-	-
13	Daun Kesum	-	-	-	-	M,U	3	-	-	-	-
14	Kelur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
15	Keladi	-	-	-	-	-	-	M,U	2	-	-
16	Pokok pinang	K	2	-	-	-	-	K	2	-	-
17	Asam gelugor	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
18	Asam Jawa	M	3	-	-	-	-	-	-	M,U	2
19	Sirih	M,U,K	3	-	-	M,U,K	3	-	-	-	-
20	Jarum tujuh	U	2	-	-	-	-	-	-	-	-
21	Ubi kayu	M	3	M	3	M	3	M	2	-	-


Legenda:

M -	Makanan	1-	Halaman hadapan
U -	Ubatan	2-	Halaman Sisi
K -	Kosmetik	3-	Halaman Belakang
D -	Dekorasi		
T -	Teduhan		

Jadual 5.1 Senarai tanaman kawasan kediaman mengikut fungsi dan ruangnya

Analisis dalam jadual 5.1 mengkategorikan tanaman mengikut fungsi dan kedudukan dalam kawasan kediaman. Aspek fungsi tanaman yang ditekankan adalah seperti makanan, ubatan, kosmetik, dekorasi dan teduhan. Berikut adalah rumusan nilai peratusan taburan tanaman mengikut kategorinya bagi lima buah kampung di negeri Kedah.





Jadual 5.2 Peratusan taburan tanaman mengikut kategori bagi lima buah kampung di negeri Kedah

Makanan merupakan faktor penting penanaman tanaman di sekitar kediaman bagi memenuhi keperluan hidup. Ini dapat dijelaskan dalam jadual 5.2 di mana 77 peratus daripada tanaman di sekitar kediaman adalah dari kategori sumber makanan. Merujuk kepada jadual 5.1, sumber makanan ini terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran. 30 peratus tanaman berasaskan fungsi ubat-ubatan yang terdiri daripada herba-herba ditanam bagi memudahkan orang Melayu untuk mendapatkannya apabila perlu. Manakala tanaman berfungsi sebagai kosmetik, dekorasi dan teduhan menunjukkan peratusan yang kecil.

Kaedah yang sama juga dijalankan terhadap kampung-kampung yang terdapat di 6 buah negeri yang lain dan berikut adalah jadual dapatan yang diperolehi daripada setiap negeri.

KATEGORI	PERATUSAN TABURAN MENGIKUT NEGERI							RUMUSAN
	JOHOR	MELAKA	N. SEMBILAN	SELANGOR	PERAK	KEDAH	PERLIS	
MAKANAN	77%	76%	80%	75%	70%	77%	78%	76%
UBATAN	31%	30%	18%	27%	25%	30%	26%	26%
KOSMETIK	30%	32%	28%	25%	32%	20%	42%	29%
DEKORASI	22%	25%	20%	27%	20%	16%	19%	21%
TEDUHAN	20%	27%	22%	19%	22%	25%	10%	20%

Jadual 5.3 Peratusan taburan tanaman mengikut kategori mengikut negeri

Berdasarkan jadual 5.3 di atas, kategori makanan merupakan peratusan taburan paling tinggi bagi setiap negeri yang merangkumi 70 hingga 80 peratus jumlah tanaman. Di negeri Perlis, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka, peratusan penanaman yang berkaitan dengan kosmetik lebih tinggi berbanding tanaman perubatan. Pada keseluruhannya, data-data di atas menunjukkan bahawa kategori makanan dan kosmetik lebih tinggi berbanding kategori yang lain. Ini bermakna masih banyak tanaman ini diutamakan dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Manakala tanaman kategori ubatan, dekorasi dan teduhan berkurangan.

Melalui dapatan dari kajian ini, menunjukkan bahawa beberapa perubahan dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu hari ini dari segi cara hidup, ekonomi, struktur masyarakat dan kemudahan-kemudahan mempengaruhi konteks komposisi tanaman. Walaupun tanaman makanan mempunyai peratusan yang tinggi tetapi jenis tanaman ini terhad kepada tanaman makanan asas yang biasa di dapati dalam konteks kampung seperti kelapa, rambutan, mangga, pisang, serai, pandan dan ubi kayu. Dalam kategori kosmetik, penggunaan tanaman yang melibatkan pengaruh budaya kurang digunakan. Begitu juga dengan tanaman ubatan, kurang diberi perhatian kerana dalam konteks hari ini tertumpu kepada perubatan moden dan kemungkinan masyarakat Melayu tidak memahami fungsi dan kegunaannya lagi. Tanaman dekorasi dan jenis teduhan didapati berkurangan kerana perubahan corak hidup di mana masyarakat Melayu hari ini banyak menumpukan masa dalam pekerjaan di luar. Tambahan pula, penghuni yang masih menghuni kediaman ini adalah di kalangan orang tua dan golongan muda pula berhijrah ke bandar untuk bekerja.

Dari analisis di atas, perubahan konteks dan penekanan jenis kategori dalam landskap dikenalpasti bagi memudahkan identifikasi karektor tanaman dalam landskap Melayu. Selain tanaman, terdapat satu komponen yang menyokong dalam pembentukan landskap Melayu iaitu perabot laman. Kajian terhadap komponen ini melibatkan budaya hidup masyarakat Melayu dalam halaman rumah. Komponen ini telah dibincangkan dalam bab dua iaitu seperti pagar, gerbang, wakaf, tempayan, guri, kolah, pangkin, pasu bunga, pelantar, titi, perigi, kolam, perun, reban, bangsal dan jelapang. Dalam jadual 5.4 adalah data analisis tentang taburan perabot laman yang terdapat di kampung-kampung di setiap negeri yang dipilih.

Negeri	Jenis Perabot Laman Kampung	Pagar	Gerbang	Wakaf	Tempayan	Guri	Kolah	Pangkin	Pasu bunga	Pelantar	Titi	Perigi	Kolam	Perun	Reban	Bangsai	Jelapang/ kepok Padi
		<b>Johor</b>	kg. tg. buai, teluk sengat	2	x	x	x	x	x	2	1	1	x	x	x	3	3
	kg. sg. kualu, kukup	1	x	x	x	x	x	x	12	x	x	x	3	3	3	2	x
	kg. Lana	2	x	x	x	x	x	x	1	x	x	x	x	3	2	x	x
	kg. teluk sari	12	x	x	x	1	x	1	x	3	x	1	x	3	23	2	x
	kg. Parit Sameon, Batu pahat	x	x	x	2	x	x	x	12	x	x	3	x	3	x	2	x
<b>Melaka</b>	kg. kualu linggi	12	x	2	x	1	x	x	12	x	x	2	2	x	3	x	x
	kg. padang sebong	x	x	x	x	x	1	2	12	x	x	1	x	x	2	2	x
	kg. gapis nyalas	x	x	x	x	x	x	2	1	x	x	x	x	3	3	2	x
	kg. lereh	2	x	x	x	x	x	x	12	1	x	1	x	2	2	3	x
	kg. gadak	1	x	1	3	x	1	13	x	2	x	x	x	13	2	23	2
<b>Negeri Sembilan</b>	kg. tanah datar	12	x	x	x	x	1	2	12	x	x	x	1	2	3	3	x
	kg. kok talang	1	x	x	x	1	x	x	1	x	x	x	1	x	2	2	x
	Kg. Sikai	1	x	x	x	x	2	x	12	x	x	x	x	3	x	1	x
	Kg. Bukit Melintang	1	x	x	x	x	x	x	12	x	x	3	x	3	x	x	x
	Kg. Parit Istana	x	x	x	x	x	x	x	1	x	x	3	x	23	3	3	x
<b>Selangor</b>	Kg. Bagan Nira	x	x	x	2	x	x	x	1	x	3	x	x	3	3	3	x
	Kg. Kundang, Tg. Sepat	x	x	x	1	x	x	2	12	x	x	x	x	13	3	2	x
	Kg. Seri Lui, Hulu Langat	1	1	x	x	x	x	x	1	3	x	x	x	3	3	3	x
	Kg. Jelutong, Sg. Pelik	x	x	1	x	x	x	1	1	x	2	x	3	3	3	3	x
	Simpang Empat, Permatang	x	x	x	1	1	x	x	12	x	x	x	x	3	x	x	x
<b>Perak</b>	Kg. Paya Lubuk Merbau	x	x	x	x	x	x	2	12	x	x	3	x	3	3	3	2
	Parit Hj. Wahab	x	x	x	x	x	x	x	12	x	x	3	x	2	2	x	x
	Kota Lama Kiri, K. Kangsar	x	x	x	x	x	x	2	12	x	x	x	x	2	x	x	x
	Kg. Selat, Bota Kanan	x	x	x	2	3	x	2	12	x	x	3	x	3	2	x	x
	Kg. Gunung Mesah Hilir	x	x	x	x	3	x	2	12	x	x	3	x	3	3	x	x
<b>Kedah</b>	Kg. Gelam, Langkawi	1	x	x	x	x	x	2	12	x	x	2	x	3	3	3	2
	Kg. Paya, Kubang Pasu	x	x	x	x	x	x	2	x	x	x	x	x	2	2	2	2
	Kg. Bukit Nyamok	1	x	x	x	x	x	12	12	x	x	3	x	23	3	2	x
	Kg. Kubang Ariang	2	x	x	2	x	x	2	1	x	x	1	x	2	x	x	2
	Kg. Permatang Simpur	x	x	x	2	x	2	x	12	x	x	2	x	23	2	3	x
<b>Perlis</b>	Kg. Bukit Sepat	x	x	x	2	1	x	x	x	x	x	3	x	3	1	x	3
	Kg. Pengkalan Asam Dalam	x	x	x	3	3	2	x	3	x	x	3	x	2	x	2	x
	Kg. Sena	x	x	1	x	x	x	x	x	x	x	1	1	23	3	x	x
	Kg. Tengah, Kangar	x	x	x	x	x	x	x	12	x	x	3	x	23	2	3	2
	Titi Tinggi, Bkt Cabang	x	x	x	1	x	x	x	1	x	x	2	x	3	x	3	1

Lagenda:


1- Laman hadapan

2- Laman sisi

3- Laman belakang

Jadual 5.4

Taburan perabot laman mengikut ruang halaman rumah berdasarkan fungsinya



Jadual 5.5 Graf peratusan taburan perabot laman yang masih terdapat di persekitaran kediaman.

Melalui graf peratusan taburan perabot laman seperti jadual 5.5 menunjukkan terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam konteks persekitaran kediaman Melayu. Ini melibatkan perubahan struktur komposisi elemen-elemen landskap yang disebabkan pembangunan yang merangkumi aspek kemudahan asas, binaan, ekonomi dan pemikiran.

Mengikut jadual 5.5 di atas, didapati beberapa komponen yang masih banyak digunakan seperti perun (82%), pasu bunga (77%), reban ayam (65%), dan bangsal (65%). Ini menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat Melayu masih memerlukan komponen-komponen ini dalam kehidupan seharian. Komponen-komponen lain seperti jelapang, perigi, pangkin, tempayan dan pagar juga digunakan tetapi menampakkan pengurangan dari segi jumlah penggunaan. Sebagai contoh hanya 48% sahaja yang masih menggunakan perigi, pagar (42%), Pangkin (40%), Tempayan (28%) dan jelapang (22%). Komponen-komponen yang semakin hilang penggunaannya adalah seperti kolam (17%), kolah (17%), guri (17%), Pelantar (14%), wakaf (11%) dan gerbang (2%).

Analisis data di atas, memperlihatkan bahawa komponen-komponen yang menekankan kepada fungsi seperti pasu bunga, perun, reban dan bangsal masih banyak

terdapat di kawasan kediaman manakala komponen yang mempunyai perkaitan dengan budaya kehidupan masyarakat semakin berkurangan.

## **5.2 Rumusan**

Analisis kajian ini menjelaskan terdapat pengaruh hubungan elemen landskap persekitaran luar dengan landskap kediaman rumah Melayu. Pengaruh ini melibatkan keadaan tanah, elemen-elemen alam sekitar dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kegunaan tanah. Data-data analisis yang diperolehi membuktikan terdapatnya penjenisan fungsi tanaman dan perabot laman berdasarkan ruang-ruang tertentu. Fungsi dan kegunaan tanah mempengaruhi kedudukan tanaman dan perabot laman di dalam kawasan kediaman. Budaya kehidupan masyarakat Melayu juga merupakan sebahagian daripada faktor yang mempengaruhi kedudukan komponen-komponen landskap ini. Dalam bab ini, data-data yang diperolehi mengidentifikasikan elemen dan komponen yang membentuk landskap Melayu. Seterusnya kupasan analisis ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab seterusnya.

## **BAB 6**

### **RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

#### **6.0 Pengenalan**

Objektif utama kajian ini adalah untuk membuktikan kewujudan landskap Melayu dengan mengenalpasti karektornya. Maka, penekanan kepada komponen-komponen yang terkandung dalam laman persekitaran kediaman Melayu seperti tanaman-tanaman dan perabot laman adalah penting bagi memenuhi keperluan kajian ini. Bab ini menggarap penemuan hasil dari analisis kajian dan menerangkan elemen-elemen landskap yang menyumbangkan kepada landskap budaya Melayu. Seterusnya mendasarkan ciri-ciri yang perlu untuk sesebuah landskap Melayu itu direkabentuk.

#### **6.1 Landskap Melayu**

Kajian yang dijalankan ini meliputi pengkajian secara makro dan mikro persekitaran yang merangkumi aspek aktiviti, tanaman dan juga susunaturnya. Lokasi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keadaan geografi tempat itu mempengaruhi elemen-elemen dan komponen yang terdapat di sekitar kawasan kediaman. Contohnya,

kawasan kediaman pendalaman yang menjalankan kegiatan perladangan mempunyai elemen dan komponen yang berbeza dengan kediaman yang terletak di kawasan sawah padi dan tepi pantai. Walaupun bangsa Melayu mempunyai persamaan dari segi kebudayaan, tetapi serba sedikit dipisahkan oleh aktiviti-aktiviti yang dijalankan seharian di kawasan tertentu.


Landskap Melayu boleh dikatakan sebagai sebuah kehidupan yang lengkap di mana ianya merangkumi aspek ketuhanan, alam dan manusia. Secara tradisinya, setiap pembinaan, perletakkan dan penanaman di atas sebuah kawasan itu dibina melalui perancangan yang lebih organik dan berdasarkan kepada kepercayaan dan kesesuaiannya pada alam persekitaran. Jalan-jalan yang menghubungkan rumah-rumah kediaman dan tempat-tempat umum seperti masjid, surau, dewan dan sekolah dibina mengikut corak dan keadaan tanah. Ketika itu, banyak elemen-elemen dan komponen-komponen tradisional boleh dijumpai dan masih digunakan sebagai kemudahan hidup. Susun atur ini berubah setelah modenisasi muncul dengan kemajuan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, pembentungan, bekalan air paip dan bekalan tenaga elektrik. Keadaan ini banyak mengubah struktur landskap kampung secara makro dan mikro persekitarannya yang mana melibatkan unsur-unsur dan komponen-komponen tradisi yang terdapat di kawasan kediaman. Secara makronya, pembangunan yang berlaku meningkatkan sumber ekonomi dan taraf hidup orang Melayu dengan adanya pertanian dan perladangan yang lebih moden dan efektif. Keadaan ini mengakibatkan peralatan-peralatan tradisi tidak digunakan lagi dan secara tidak langsung mempengaruhi konteks persekitaran tradisi Melayu. Dalam konteks mikro pula, ketiadaan beberapa peralatan pertanian yang bersangkutan dengan komponen di kawasan mengakibatkan komponen-komponen laman tidak digunakan lagi dan reput dimakan usia.

Walaupun begitu, nilai-nilai budaya Melayu masih lagi wujud dalam persekitaran kediaman orang Melayu disebabkan ianya masih lagi diamalkan dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah penggunaan tempayan, perigi, reban, bangsal dan penanaman tanaman yang mempunyai pengaruh kebudayaan Melayu. Data analisis dalam jadual 5.1 dan 5.4, menunjukkan bahawa masih terdapat elemen-elemen dan komponen-komponen di kawasan kediaman masyarakat Melayu. Penemuan ini dapat membantu pengkaji dalam mengenalpasti karektor bagi landskap Melayu sama ada dalam bentuk artifak, nilai

budaya, susunatur dan tanaman. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekitar kawasan kampung seperti aktiviti pertanian, penternakan, perladangan, aktiviti kemasyarakatan dan permainan kanak-kanak juga menyumbang kepada pembentukkan karektor bagi landskap budaya. Peralatan, perkakas dan bahan alam dikenalpasti dan membentuk sebahagian daripada elemen dalam landskap Melayu. Berikut adalah beberapa contoh aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan oleh golongan kanak-kanak.




Gambar 6.0 Aktiviti yang menggunakan bahan alam sebagai alat permainan (Sumber: Nor Atiah Hj Ismail, 2003)



Gambar 6.1 Aktiviti melibatkan elemen alam sebagai sokongan (Sumber: Nor Atiah Hj. Ismail, 2003)






Gambar 6.2 Permainan menggunakan elemen alam dan dalam lingkungannya  
(Sumber: Nor Atiah Hj. Ismail)

Melalui imej-imej di atas, memperlihatkan kanak-kanak menyesuaikan diri dalam persekitarannya iaitu dengan menggunakan elemen alam sebagai alat permainan. Dari konteks ini, kita dapat lihat bagaimana penyesuaian kehidupan masyarakat Melayu dengan alam persekitarannya.

## 6.2 Karektor Landskap Melayu

Merujuk kepada kajian literatur, landskap Melayu merupakan integrasi kehidupan orang Melayu dengan alam persekitarannya. Integrasi ini merangkumi faktor budaya, kepercayaan dan agama yang banyak mempengaruhi struktur landskap Melayu iaitu dari aspek susunatur ruang, tanaman dan perabot laman. Analisis data yang telah diperolehi menunjukkan terdapatnya susunatur tumbuhan mengikut ruang tertentu dalam rumah kediaman orang Melayu. Di samping itu, perabot laman yang terdapat di persekitarannya adalah sebagai sokongan terhadap budaya hidup seharian orang Melayu. Maka dengan itu, selaras dengan hipotesis yang dinyatakan pada awal kajian bahawa landskap Melayu

merupakan alam Melayu yang terdiri daripada gabungan faktor-faktor fungsi, budaya dan kepercayaan. Berikut adalah rajah konsep hubungan kehidupan Melayu dengan alam persekitaran.



Rajah 6.0 Hubungan kehidupan Melayu dengan persekitaran (sumber: Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II 2006, Persepsi Antara Budaya Rumpun Melayu)


Dari konteks yang lebih luas, elemen-elemen landskap ini dipengaruhi oleh konteks persekitaran makronya iaitu keadaan landskap persekitaran sama ada kawasan pantai, tanah dataran atau pendalaman. Setiap rumah Melayu yang terdapat di kawasan-kawasan ini mempunyai elemen-elemen landskap dan budaya hidup yang berbeza. Konsep hubungan landskap Melayu secara mikro dan makro boleh dirujuk dalam rajah 5.1.

Melalui analisis data yang telah diperolehi, susunan ruang laman dikenalpasti terbentuk melalui susunatur tanaman dan perabot laman. Taburan tanaman dan perabot laman ini membentuk pembahagian laman iaitu laman hadapan, laman sisi dan laman belakang. Setiap laman ini mempunyai fungsi yang berkaitan dengan ruang dalaman rumah dan perkaitannya juga dengan fungsi tanaman dan perabot lamannya. Kajian melalui jenis tanaman mendapati terdapat beberapa kategori penting bagi menentukan kedudukan tanaman dalam kawasan laman iaitu sumber makanan, ubatan, kosmetik,

dekorasi dan teduhan. Begitu juga dengan perabot laman yang mana kedudukannya ditentukan oleh budaya hidup orang Melayu dan fungsi ruang dalaman rumah.

### 6.2.1 Susunatur Ruang

Rumah kediaman Melayu merupakan jalinan persekitaran yang menyeluruh iaitu dari kawasan persekitaran sehinggalah kawasan dalaman rumah. Hubungan ini memainkan peranan penting dalam menentukan fungsi bagi setiap jalinan ruang dan komponen-komponen yang berkaitan dengannya. Berikut adalah konsep hubungan ruang dalaman rumah yang mempengaruhi konteks persekitaran luaran rumah kediaman Melayu.



Rajah 6.1 Pengaruh fungsi ruang rumah kediaman terhadap kawasan persekitaran di kampung.

Berdasarkan kepada rajah 6.1, ruang dalaman rumah mempengaruhi elemen yang ada di kawasan persekitaran. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pandangan 1 dalam gambar 6.3 yang menunjukkan suasana persekitaran yang terdapat di kawasan sisi dan hadapan rumah. Di sini kita dapat lihat susunatur, jenis tanaman dan perabot laman yang diatitkan secara sederhana yang mana memperjelaskan lagi pembahagian ruang depan dan sisi. Seterusnya pandangan kedua memperlihatkan komponen yang terdapat di setiap halaman dan juga memperlihatkan kesinambungan laman depan, sisi dan belakang.



Gambar 6.3 Pemandangan kawasan kediaman dari arah pandangan 1 dan komponen-komponen yang terdapat di sekitarnya (Sumber: Koleksi Laman Nusantara)

## Pandangan 2




## Komponen-komponen lanskap



Gambar 6.4 Pemandangan kawasan kediaman dari arah pandangan 2 dan komponen-komponen yang terdapat di sekitarnya (Sumber: Koleksi Laman Nusantara)

Terdapat tiga ruang yang dikenalpasti iaitu laman hadapan, laman sisi dan laman belakang. Ini disokong dengan analisis kajian yang telah dijalankan dengan adanya susunatur tanaman dan perabot laman tertentu berdasarkan kepada fungsinya terhadap ruang perletakkannya. Merujuk kepada rajah 6.1, komponen yang terdapat di setiap ruang laman dipengaruhi oleh fungsi ruang dalaman rumah dan bersesuaian dengan penggunaannya pada kawasan itu. Misalnya, ruang serambi merupakan tempat istirehat keluarga sambil menikmati keindahan taman. Serambi berperanan sebagai ruang perantara antara kawasan laman hadapan dengan rumah ibu dan ini menunjukkan terdapatnya kesinambungan fungsi dari dalam hinggalah ke luar rumah. Ruang sisi pula dilengkapi dengan kelengkapan keperluan makanan seperti buah-buahan dan ternakan. Terdapat tempat beristirehat seperti pangkin yang ditempatkan di bawah pokok. Seterusnya keperluan dapur pula didapati di kawasan halaman belakang yang mana bersesuaian dengan fungsinya.

**a) Laman hadapan**



Gambar 6.5      Gambaran aktiviti dan pemandangan laman hadapan (sumber: Nor Atiah Hj. Ismail, 2003)

Laman mempunyai pengaruh besar dalam pengindahan rumah kediaman. Ianya berfungsi sebagai ruang dekorasi dan ruang aktiviti kemasyarakatan yang penting dalam sebuah kediaman. Sebahagian laman depan rumah kediaman Melayu tidak mempunyai tanaman rumput dan sentiasa disapu bersih dari serakan daun-daun kering dan sampah. Pemandangan ini dapat dilihat di kawasan kampung sekitar negeri Melaka dan negeri Sembilan seperti dalam gambar 6.6 dibawah. Tetapi keadaan telah berubah di mana penanaman rumput adalah sebahagian daripada dekorasi kawasan. Tanaman yang kebiasaannya ditanam di kawasan ini berfungsi sebagai tanaman dekorasi dan ianya bersifat anjal supaya boleh diubah kedudukannya untuk kegunaan ruang sebagai tempat aktiviti masyarakat seperti kenduri-kendara. Selain itu, ruang ini juga digunakan untuk menjalankan aktiviti riadah seperti permainan sepak raga, congkak, galah panjang, bersilat dan bermain gasing. Oleh kerana kawasan ini tanah dan berpasir ianya sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut. Berikut adalah beberapa imej laman hadapan yang dikenali mempunyai karektor landskap Melayu.




Gambar 6.6 Kediaman di Kuala Pilah, Negeri Sembilan (sumber: Koleksi Laman Nusantara)



Gambar 6.7 Kg. Gadek, Alor Gajah, Melaka (Sumber: Laman Nusantara)


b) **Laman sisi**



Gambar 6.8 Gambaran aktiviti dan pemandangan laman sisi (sumber: Nor Atiah Hj. Ismail, 2003)



Laman ini adalah ruang kesinambungan laman hadapan dan laman belakang. Menurut Nor Atiah Ismail (2003), ruang ini berstruktur dan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ruang sisi depan, ruang sisi tengah dan ruang sisi belakang. Rajah 6.2 berikut memperjelaskan contoh pembahagian ruang yang diterangkan oleh beliau.



Rajah 6.2      Gambaran pembahagian laman sisi sebagai ruang perantara  
(sumber: Nor Atiah Ismail, 2003)

Berdasarkan kepada rajah 6.2 di atas, pembahagian ini adalah sebagai fasa peralihan ruang antara laman depan dan laman belakang ke laman sisi. Di sini kita dapat mengenalpasti karektor tanaman dan komponen yang ada di laman ini. Ruang depan laman sisi mempunyai kesinambungan elemen yang terdapat di laman hadapan. Tanaman yang terdapat di sini juga mempunyai persamaan dari segi dekorasi dan susunaturnya kurang padat. Peralihan ke ruang tengah mendapati terdapat tumbuhan teduhan dan tanaman buah-buahan. Ini bersesuaian dengan fungsinya sebagai ruang istirahat. Kesesuaian ruangan ini sebagai tempat rehat kerana kedudukannya di tengah-tengah dilindungi dari pandangan orang luar melalui tanaman dekorasi dan tanaman teduhan yang terdapat di ruang depan. Seterusnya ruang belakang adalah kesinambungan dari

laman belakang yang mana terdapatnya elemen dan komponen yang berkait dengannya. Tanaman yang terdapat di ruang ini ditanam padat dan sesuai untuk melindungi dan menapis elemen yang kurang estetikanya. Oleh sebab itu, reban dan bangsal diletakkan di kawasan ini disebabkan oleh keadaannya yang kurang menarik.



Gambar 6.9 Pangkin ditempatkan di bawah pokok di laman sisi (sumber: koleksi Laman Melayu Nusantara)



Gambar 6.10 Komponen-komponen laman yang mempunyai kesinambungan antara laman depan dan belakang (sumber: koleksi Laman Melayu Nusantara)

### c) **Laman Belakang**

Kawasan ini mempunyai hubungan rapat dengan fungsi ruangan dapur. Ini dapat dikenalpasti dengan tanaman dan komponen yang terdapat di kawasan ini mempunyai persamaan dari segi fungsinya. Disokong pula dengan data analisis kajian, taburan tanaman yang mempunyai fungsi sebagai makanan dan ubat-ubatan banyak terdapat di kawasan belakang. Tanam-tanaman yang biasa ditanam di kawasan ini adalah seperti pokok-pokok buah-buahan, sayur-sayuran dan pokok herba sebagai ubat-ubatan. Laman belakang mempunyai kepadatan tanaman yang tinggi dan susunaturnya berselerak. Ini mewujudkan kawasan yang separa telus dan padat bagi menapis pencemaran bau dari kolam limpahan dan elemen-elemen laman yang kurang menarik seperti persekitaran reban dan bangsal. Persekitaran ini agak suram dan misteri ini menggalak dan menarik minat anak-anak kecil untuk bermain sembunyi. Akan tetapi, masyarakat Melayu kurang membenarkan untuk menjalankan aktiviti di kawasan ini kerana mengikut kepercayaan Melayu, kawasan ini mempunyai semangat kurang baik, yang dipercayai ada kaitan dengan cerita-cerita hantu.

### **6.2.2 Susunatur Tanaman**

Berdasarkan kepada analisis data yang telah dibuat, terdapat beberapa jenis tanaman yang dikenalpasti dan dijumpai di dalam landskap Melayu iaitu makanan, ubat-ubatan atau herba, kosmetik, dekorasi dan teduhan. Taburan tanaman yang dikenalpasti melalui analisis data menunjukkan terdapatnya hubungan perletakkannya dengan fungsi tanaman dan hubungannya dengan ruangan dalaman rumah.

Tanaman di kawasan laman hadapan berkait rapat dengan fungsi dekorasi dan hiasan kawasan kediaman. Jenis tanaman di sini mempunyai ciri-ciri berbunga, berwarna-warni, berbau wangi, bersaiz kecil dan anjal atau boleh diubah tempat. Ciri-ciri ini mempengaruhi konteks yang ada di laman hadapan ini iaitu dari segi susunan dan perletakkannya pada setiap inci ruang. Pokok-pokok yang mempunyai skala membentuk satu susunan yang teratur dan bersistematik yang mana tumbuhan kecil akan diletakkan

di kawasan depan dan tengah bagi mengelakkan rumah dilindungi. Pokok yang lebih besar akan ditempatkan di kawasan pinggiran ruang bagi membentuk batasan atau pagaran ruang. Sifat tanaman yang anjal pula melibatkan pengaruh budaya dalam kawasan laman hadapan. Kebiasaannya kawasan ini dijadikan kawasan aktiviti-aktiviti kebudayaan masyarakat Melayu seperti kenduri dan aktiviti beriadah. Dengan itu, pokok-pokok di kawasan ini ditanam di dalam pasu bagi membolehkan ruang ini digunakan untuk aktiviti ini.

Seterusnya tanaman di halaman depan berkesinambungan ke kawasan halaman sisi. Konteks tanaman di kawasan ini berbeza sedikit dari segi komposisi, fungsi dan skalanya. Merujuk kepada susunan ruang sepertimana yang dinyatakan sebelum ini terdapat tiga ruang pembahagian sebagai ruang perantara antara halaman hadapan dan halaman belakang. Konteks tanaman di kawasan ini sedikit sebanyak mempunyai persamaan di kedua-dua kawasan hadapan dan belakang. Ciri-ciri tanaman di kawasan ini mempunyai perkaitan dengan fungsi ruang sebagai kawasan istirehat keluarga. Tanaman ini mempunyai saiz berskala besar, mempunyai teduhan yang luas dan jenis buah-buahan. Komponen-komponen yang ada di kawasan ini bersesuaian dengan ciri-ciri jenis tanaman di kawasan ini. Misalnya komponen pangkin sesuai diletakkan di bawah pokok buah-buahan yang mempunyai teduhan yang luas, sebagai tempat beristirehat pada waktu tengah hari dan petang. Suasana ini dapat dilihat dalam gambar di bawah.



Gambar 6.11 Pokok manggis sesuai untuk teduhan dan tempat beristirehat (Sumber: Laman Nusantara)



Gambar 6.12 Pokok rambutan sesuai sebagai teduhan disebabkan keluasan lindungannya  
(Sumber: Laman Nusantara)

Komposisi tanaman di halaman ini berubah dari ruang depan hingga ke belakang iaitu perubahan dari segi kepadatannya. Kepadatan tanaman ini membentuk ruang separa telus dan membentuk ruang persendirian. Di samping itu, perletakkan perabot laman yang lain seperti reban dan bangsal juga diletakkan di kawasan ini, disebabkan oleh ciri-ciri ini dan komposisi tanaman melindungi perabot-perabot ini dari pandangan dari kawasan hadapan. Selain itu, ruang ini adalah ruang yang menyambungkan ruang dalaman rumah iaitu antara serambi dan ruang dapur. Mengikut adat Melayu, pintu hadapan akan dilalui oleh kaum lelaki dan pintu belakang akan dilalui oleh kaum wanita. Ruang sisi rumah sebagai perantara akan dilengkapi dengan tanaman hiasan dan teduhan serta pelbagai perabot laman sebagai kelengkapan kemudahan rumah.

Tanaman di halaman belakang berdasarkan kepada konteks fungsi ruang dapur. Jenis tanaman adalah jenis makanan dan herba-herba yang biasanya digunakan untuk

memasak. Ciri-ciri tanaman ini ialah tanaman herba, buah-buahan dan teduhan yang luas, komposisi yang berselerak dan berestetika rendah. Selain itu, tanaman di halaman ini dikenalpasti sebagai penyerap pencemaran air, bau dan pemandangan. Tanaman ini dapat dijumpai di kawasan-kawasan yang mempunyai kolam limpahan air dari kawasan kediaman seperti pokok pandan, keladi, serai, halia dan pokok ulam raja. Ini adalah kerana jenis pokok ini bersifat penyerap air dan pokoknya mengeluarkan bau. Dari konteks ini, kita dapat lihat kesesuaian tanaman di setiap ruang halamannya berdasarkan kepada fungsi dan ciri-cirinya pada kawasan itu.

### **6.2.3 Susunatur Perabot Laman**

Sepertimana tanaman yang terdapat di setiap halaman, perabot laman juga mempunyai kesesuaiannya terhadap ruang halamannya. Aktiviti di setiap ruang mempengaruhi perletakkannya di kawasan halaman rumah berdasarkan kepada fungsi perabot laman itu. Komponen-komponen yang biasa dijumpai di dalam halaman yang membentuk landskap Melayu ialah seperti gerbang, wakaf, tempayan, guri, kolah, pangkin, pasu bunga, titi, perigi, kolam, perun, reban, bangsal dan rumah padi atau jelapang padi. Setiap komponen ini wujud dari pengaruh geografi dan persekitaran makro iaitu sama ada kawasan perairan atau persisiran pantai, tanah dataran dan pendalaman. Contohnya, komponen seperti titi dan pangkin jemuran terdapat di sekitar kediaman kawasan pantai yang wujud dari pengaruh aktiviti nelayan. Manakala kawasan dataran pula terlibat dalam aktiviti pertanian seperti penanaman padi. Komponen jelapang padi, lesung kaki dan bangsal dijumpai sebagai kemudahan menyimpan dan memproses padi. Seterusnya kawasan pendalaman pula melibatkan aktiviti perladangan seperti getah, kebun, dusun dan penternakan. Komponen-komponen yang dijumpai di kawasan ini adalah seperti bangsal peralatan perladangan, kandang kambing, pangkin dan reban.

Dari konteks hubungan ruang dalaman rumah pula mempengaruhi komponen-komponen landskap di luar rumah. Berdasarkan kepada jadual 5.2, taburan perabot laman ini diperolehi menunjukkan perletakkan perabot-perabot laman ini bergantung kepada fungsi pada kawasan itu. Contohnya seperti guri, gayong, kolah dan pasu bunga dijumpai

di kawasan halaman hadapan yang digunakan sebagai hiasan dan peralatan untuk membersihkan diri sebelum naik ke dalam rumah. Pangkin, tempayan, perigi dan reban di jumpai di halaman sisi rumah sebagai tempat beristirahat dan keperluan harian. Akhirnya bangsal, kolam dan pelantar dijumpai di halaman belakang. Ini bersesuaian dengan fungsinya sebagai kawasan persendirian yang digunakan untuk memasak, tempat ampaian, bertukang dan sebagainya.

Dengan ini, jelas menunjukkan persekitaran dan fungsi ruang mempengaruhi kewujudan dan perletakkan perlabot laman. Justeru membentuk sebahagian karektor landskap Melayu.

### **6.3 Tipologi Ciri-ciri Karektor Landskap Melayu**

Melalui perbincangan terhadap karektor di atas, diperjelaskan terdapat beberapa ciri-ciri karektor yang terkandung dalam landskap Melayu. Ciri-ciri karektor ini penting untuk digunakan dalam mengenalpasti, merekabentuk dan mengaplikasikan landskap Melayu di sesebuah kawasan. Berikut adalah tipologi karektor landskap Melayu yang dikenalpasti dalam kajian ini.

- i) Landskap Melayu adalah mikro persekitaran bagi landskap persekitaran kampung dan persekitaran yang lebih luas.
- ii) Komponen-komponen landskap dipengaruhi oleh budaya kehidupan masyarakat Melayu dan keadaan persekitarannya.
- iii) Landskap Melayu terbahagi kepada beberapa bahagian kawasan iaitu laman hadapan, laman sisi dan laman belakang.
- iv) Laman hadapan mempunyai kawasan terbuka dan berfungsi sebagai kawasan dekorasi rumah dan tempat aktiviti masyarakat.
- v) Laman sisi merupakan kawasan yang berkesinambungan dengan laman hadapan dan mengandungi tanaman-tanaman jenis makanan, ubatan dan bersaiz besar sebagai teduhan.

- vi) Laman belakang diklasifikasikan sebagai kawasan persendirian di mana komponen-komponen dan tanaman mempunyai hubungan dengan kegunaan harian penghuni kediaman.
- vii) Komposisi dan struktur tanaman dalam ruang adalah berkesinambungan, kompleks, misteri dan mudah.
- viii) Jenis tanaman dalam konteks persekitaran kediaman dipengaruhi oleh kawasan persekitaran dan kegunaan tanah persekitaran yang mana secara pemerhatiannya mempunyai tiga peringkat iaitu tanaman asal, tanaman yang ditanam oleh penghuni generasi pertama dan seterusnya tanaman yang berhampiran dengan rumah pula ditanam oleh penghuni sekarang.
- ix) Susunatur tanaman adalah berbentuk organik dan dinamik disebabkan oleh perubahan fungsi tanaman dan komponen landskap yang lain dari semasa ke semasa.
- x) Jenis tanaman terbahagi kepada dua iaitu tanaman yang mempunyai kaitan fungsi pada kehidupan seharian dan fungsi terhadap keperluan budaya masyarakat.
- xi) Kategori tanaman dalam landskap Melayu terbahagi kepada lima iaitu sumber makanan, ubatan, kosmetik, dekorasi dan teduhan.
- xii) Jenis tanaman dalam landskap Melayu memperjelaskan terdapatnya kualiti deria manusia seperti sentuh, bau, rasa, penglihatan dan bunyi.
- xiii) Perabot laman seperti pagar, gerbang, wakaf, pangkin, tempayan, guri, kolah, pasu bunga, pelantar, titi, perigi, kolam, perun, reban, bangsal dan jelapang atau kepok padi mempunyai kaitan dengan fungsi dan budaya kehidupan harian masyarakat Melayu.
- xiv) Tanaman dan perabot laman menjelaskan bahawa landskap Melayu adalah satu bentuk sistem saraan hidup yang lengkap berdasarkan kepada elemen-elemen persekitaran yang ada.



#### 6.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Ekoran daripada kajian ini, beberapa cadangan kajian masa hadapan boleh dijalankan. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Budaya dan pengaruhnya dalam landskap Melayu Tradisional.
- ii) Pengurusan lanskap Melayu dalam kehidupan masyarakat Melayu kini..
- iii) Elemen alam persekitaran dalam senibina bangunan.
- iv) Hubungan ruang dalaman terhadap landskap Melayu.
- v) Karektor landskap Melayu dan aplikasinya dalam rekabentuk lanskap kontemporari.

#### 6.5 Rumusan

Landskap Melayu adalah adaptasi budaya kehidupan Melayu dalam alam persekitarannya. Budaya Melayu merupakan satu set kehidupan yang kompleks yang merangkumi amalan, adat, pemikiran dan kepercayaan. Kebudayaan Melayu tidak lari dari alam semulajadi yang bertaut dari fungsi lahiriah hinggalah kepada kerohanian. Ini dapat dilihat dan dihayati melalui pemerhatian, perasaan dan pengalaman menerusi konteks persekitaran kampung iaitu dari elemen alam, aktiviti-aktiviti masyarakat setempat, susunatur ruang dan perabot laman.

Landskap Melayu secara amnya menekankan kepada fungsi dan peranannya terhadap kawasan persekitaran. Tumbuh-tumbuhan dan perabot laman yang terdapat di sekitar kawasan kediaman mempunyai pelbagai fungsi dan kegunaannya terhadap kehidupan harian. Fungsi ini terbahagi kepada dua aspek iaitu fizikal dan kerohanian. Dari aspek fizikal merujuk kepada fungsi tanaman dan perabot laman itu sendiri terhadap kawasan kediaman dan penghuninya. Contohnya seperti sumber makanan, pelindung, peneduh, perubatan, pagar dan keperluan adat dan budaya. Aspek kerohanian pula melibatkan penggunaan tanaman sebagai tanda atau simbolisme dan perubatan. Kedua-duanya mempunyai kaitan dengan dunia halus yang menjadi sebahagian daripada

kepercayaan masyarakat Melayu. Ini dibuktikan dengan adanya bomoh dan pawang dalam struktur masyarakat Melayu dahulu dan masih lagi dipercayai hingga sekarang.

Landskap Melayu diperlihatkan sebagai satu bentuk penyesuaian hidup dalam alam persekitaran yang dipraktikkan dengan menggunakan elemen-elemen alam sebagai bahan dalam aktiviti-aktiviti harian dan kemasyarakatan. Ini dapat dilihat dalam aktiviti pertanian, perladangan dan perikanan yang menggunakan alam sebagai elemen sokongan. Contohnya seperti binatang digunakan untuk membajak dan pengangkutan, kolam untuk membasuh dan bubu atau serkup untuk menangkap ikan. Selain itu, aktiviti permainan kanak-kanak juga memperlihatkan penggunaan elemen ini iaitu seperti bermain sepak raga, lastik, mandi di sungai, tarik upih dan sebagainya.

Landskap berubah mengikut zaman dan pembangunan yang berlaku. Pembangunan infrastruktur merupakan perubahan ketara yang merubah konteks persekitaran landskap Melayu. Perubahan menyebabkan beberapa elemen-elemen budaya dan landskap hilang dan tidak digunakan lagi. Elemen-elemen ini melibatkan amalan harian yang biasa dilakukan oleh orang Melayu dan juga komponen-komponen yang terlibat secara tidak langsung dengan amalan ini. Contohnya seperti tempayan, guri, kolah, kolam, perigi dan tandas. Ini disebabkan kemudahan bekalan air yang dibekalkan melalui paip saluran. Hal ini secara tidak langsung mengakibatkan kehilangan sebahagian daripada karektor landskap Melayu dan seterusnya menyebabkan kehilangan nilai budaya dari aspek pengetahuan dan pemikiran masyarakat Melayu sendiri.

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada karektor landskap Melayu yang melibatkan aspek tanaman, susunatur dan komponen-komponen yang terlibat. Dengan ini dapat membuktikan kewujudan landskap Melayu yang menjadi objektif utama kajian. Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan dalam kajian ini seperti kekurangan bahan penulisan dan kajian yang berkaitan dengan bidang ini, bilangan rumah tradisional yang semakin berkurangan dan komponen-komponen budaya yang tidak digunakan dan hilang dari tempatnya. Oleh yang demikian, kajian tapak dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara terus dan temubual dengan penghuni adalah sebagai sokongan untuk mengenalpasti komponen-komponen yang hilang. Pengkajian yang dijalankan ini melibatkan kawasan yang sangat luas untuk dilawati. Maka, kaedah pemilihan kajian kes yang digunakan adalah pemilihan secara rambang. Kaedah ini dipilih supaya data-data

yang diperolehi ini dapat memberi peratusan kebarangkalian persamaan yang sahih. Dengan ini, persamaan kebudayaan yang sama dapat dilihat dalam konteks persekitarannya.

Kajian ini memperlihatkan terdapatnya hubungan budaya kehidupan masyarakat Melayu dengan alam lingkungannya. Berdasarkan kepada data kajian yang diperolehi dan sokongan dari kajian Nor Atiah Hj Ismail (2003), mendapati bahawa terdapat dua elemen yang membentuk landskap Melayu iaitu landskap lembut dan landskap kejur. Berdasarkan kepada kajian ini terdapat 14 ciri-ciri karektor yang membentuk landskap Melayu. Penemuan ini dapat membantu dalam mengenali lebih mendalam tentang landskap Melayu dari aspek tanaman, susunatur dan secara tidak langsung memahami budaya kehidupan Melayu. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberi ide dan pemangkin pada kajian-kajian mendatang sama ada dalam bidang landskap mahupun aspek budaya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Al-Ahmadi (2000) **Petua Membina Rumah Melayu**. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdullah Sani Ahmad (2003) **Seminar Zaaba: Nilai-nilai Peradaban Melayu**, UPSI.
- Abdullah Sani Ahmad (2004) **Perabot Untuk Landskap Melayu** ( Laporan Penyelidikan). UTM.
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy (1999) **Konsep Kosmologi**. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Anderson, A. (1993) **Fundamentals of Educational Research**, Falmer Press, London.
- Appleton, J. (1975a) **The Experience of Landscape**. John Wiley and Sons, London.
- Appleton, J. (1975b) **Landscape Evaluation: the theoretical vacuum**, in Transactions of the Institute of British Geographers.
- Appleton, J. (1980) **Landscape in the arts and the sciences**, University of Hull, UK.
- Asmah Haji Omar (1983) **The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2002) **Malay Sense of Geographical and Environmental Space**. International Conference on Language, Linguistics and Real World. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (2003) **The Genius of Malay Civilisation**. Tanjong Malim, Perak: UPSI.
- Awang Sariyan B. Litt (1980) **Sejarah Kebudayaan Melayu: Catitan Ringkas**, TAT.
- Bryan, P.W. (1979) **Man's Adaptation of Nature: Studies of the Cultural Landscape**. University of London Press, London.

- Buckle, Robert (2002) **Managing Cultural Landscapes, A Case Study of Stirling, Alberta.** Unpublished Master Degree Dissertation, The University of Calgary.
- Calvin, J.S. *et. al.*(1970) **An Attempt of Assessing Preferences for Natural Landscapes**, Environmental and Behavior (1).
- Carter, Margaret (1983) **Researching Heritage Building.** Ottawa, Ontario: Department of Environment.
- Dean Shervin (1978) **'Life Style and Building Form: Some Aspect of Local Architecture'**, Shambala Boston and London.
- Di Castri F. (1998) **Ecology in Global Economy: in Pathak PS, Saxena KG eds, Ecology Today: An Anthology of Contemporary Ecological Research**, New Delhi: International Publication.
- Edmund C. Penning-Rowsell *et. al.* (1986) **Landscape Meaning and Values.** Allen & Unwin (Publisher) Ltd.
- Ernest L. Schusky *et. al.* (1987) **Introducing Culture**, Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs, New Jersey.
- Farina, Almo. (2000) **The Cultural Landscape as a model for the Integration of ecology and economics**, BioScience, ProQuest Science Journals.
- Farish A. Noor and Eddin Khoo (2003) **Spirit of Wood**, Peripulus.
- Gibbs, P. (1987) **Building a Malay House**, Singapore: Oxford University Press.
- Gimlette, D. John (1971) **Malay Poisons and Charm Cures**, Oxford University Press, London.
- Hamilton, A.W. (1982) **Malay Pantuns: Pantun Melayu**, Eastern Universities Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Hairudin Harun (2001) **Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat**, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill W.F. (1995) **Landscape Handbook for The Tropic**, Garden Art Press.
- Hugh Clifford (1989) **In Court and Kampung.** Graham Brash, Singapore.
- Ismail Hussein *et. al.* (1993) **Tamadun Melayu**, Jilid Satu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein *et. al.* (1993) **Tamadun Melayu**, Jilid Dua, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Hussein *et. al.* (1993) **Tamadun Melayu**, Jilid Lima, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Said *et. al.* (1999) **Handbook of Landscape Architecture Vocabulary**, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Jacques Hamel *et. al.* (1991) **Case Study Methods**. Sage Publications, England
- Julia Brannen (1992) **Mixing Methods: qualitative and quantitative research**. Avebury, England.
- Julia Brannen (1994) **Mixing Methods: qualitative and quantitative research**. Avebury, Ashgate Publishing Limited, England.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994)**, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, C. A. (1985) “**Public Housing garden**”, **Landscapes for the Soul, Landscape for Living**, USDA Yearbook of Agriculture, Washington.
- Lip, Evelyn (1978) ‘**An Aspect of Malaysia’s Architectural Heritage**’, MA. Kuala Lumpur: Malaysian Architects Association.
- Lynch K. (1960) **The Image of the City**. Cambridge, MA: The Mit Press, London.
- Lynch K. (1972) **What Time Is This Place?**. Cambridge, MA: The Mit Press, London.
- Lynch K. (1976) **Managing the Sense of a Region** Cambridge, MA: The Mit Press, London.
- Macia, A. (1979) **Visual Perception of Landscape: Sex and Personality differences**, in G.H. Elsner and R.C. Smardon eds. *Proceedings of Our National Landscape: a conference on applied techniques for analysis and management of the visual resource*, USDA Forest Service Technical Report.
- Martha Feldman (1995) **Strategies for Interpreting Qualitative Data**. Sage Publication, UK.
- McHarg, Ian L. (1971) **Design With Nature**, Natural History Press, New York.
- Meinig, D.W. (1979) **The Interpretation of Ordinary Landscapes**. New York: Oxford University Press
- Melvick, Robert Z. (1983) “**Protecting Rural Cultural Landscape: Finding Value in the Countryside**”, *Landscape Journal*, Vol 2, The University of Wisconsin Press.

- Melnick, Robert Z. (1984) **Cultural Landscapes: Rural Historic District in the National Park System**. Washington D.C. National Park Service, Department of the Interior.
- Mitchell, W.J.T. (1994) **Power and Landscape**. University of Chicago Press.
- Mohd Sazli Mohd Suhaimi (2003) **Kajian Pantun Lama Untuk Mengesan Ciri-ciri Senibina Landskap Melayu di Malaysia**, Kajian Topikal, UTM.
- Mohd. Yusof Hassan (1991) **Dunia Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman (1978) **Warisan Puisi Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II (2004) Institut Peradaban Melayu, UPSI.
- Naveh Z. (1994) **Culture and landscape conservation: A Landscape-ecological perspective: in Gopal B, Pathak PS, Saxena KG, eds. Ecology Today: An Anthology of Contemporary Ecological Research**, New Delhi: International Publication.
- Nor Atiah Hj. Ismail (2003) **Cultural Responsive Landscape: Planting in the rural Perak Malay residential garden**, thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurhanani Abdul Rahman (2003) **Kajian Pengaruh Halaman Terhadap senibina Melayu**. Kajian Topikal, UTM.
- Paine, Cecilia and James R. Taylor (1995) **Cultural Landscape Assessment: A Comparison of Current Methods and their Potential for Application Within the Niagra Escarpment**: Landscape Research Group at Guelph School of Landscape Architecture, University of Guelph.
- Pelras, Christian (1993) **Rumah Bugis: Fungsi, struktur, aturan, bentuk dan simbol: satu perbandingan dengan rumah Melayu Semenanjung menurut metode Leroi-Gourhan**. Dalam penulisan Abdul Kadir dan Zainal Abidin Borhan, Fenomena, vol.2.
- Peter Haggett (1975) **Geography: A Modern Synthesis**. London: Harper International Edition, Harper and Row.
- Provencher, R (1984) **Melayo-polynesian speaking peoples (Eastern Indonesia)**. R. Weeks (eds) Muslim Peoples: A World Ethnographic Survey. Westport: Greenwood Press.
- Provencher, R (1984) **Minangkabau**. R. Weeks (eds) Muslim Peoples: A World Ethnographic Survey. Westport: Greenwood Press.

- Provencher, R (1984) **Malays**. R. Weeks (eds) *Muslim Peoples: A World Ethnographic Survey*. Westport: Greenwood Pressll.
- Rukayah Aman (2000) **Ulam dan Sayuran Tempatan Semenanjung Malaysia**, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rukayah Aman (1999) **Buah-buahan Malaysia**, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rapoport, Amos (1969) **House, Form and Culture**. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Sauer, Carl O. (1925) **The Morphology of Landscape**. Berkeley California: University of California Press.
- Salkind, N. J (2000) **Exploring Research**. United States of America: PageWise Inc.
- Sidin H.M (1964) **Asal Usul Adat Resam Melayu**, Pustaka Antara.
- Sheppard, Mubin (1982) **Tanah Melayu Bersejarah**. Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.
- Sheppard, Mubin (1983) **‘Traditional craft of Malaysia – traditional Malay buildings and their Architecture’**, MA. Kuala Lumpur: Malaysian Architects Association, March.
- Shuhana Shamsuddin (1997) **Identity of Place: A Case Study of Kuantan Town Centre**. Unpublished Phd. Dissertation, University of Nottingham.
- Syed Iskandar (2001) **Order in Traditional Malay House Form**. Unpublished Phd Dissertation, Oxford Brookes University.
- Steiner, Frederick (1991) **The Living Landscape: An Ecological Approach to Landscape Planning**, McGraw-Hill, Inc., New York.
- Tylor, Edward B. (1871) **Primitive Culture**. New York: Harper
- Winstedt, R.O (1961a) **Malaya and its History**. London: Routledge and Kegan Paul.
- Winstedt, R.O (1947/1961b) **The Malays: A Cultural History**. London: Routledge and Kegan Paul.
- Yin, Lincoln (1989) **Effective Evaluation**, Jossey-Bass Publication, California.
- Zainal Abidin Borhan *et. al.* (1996) **Adat Istiadat Melayu Melaka**. Institut Kajian Sejarah dan Patritisme Malaysia.



Zaharah Haji Mahmud (1970) **The Nature and Period of “Traditional” Settlement in West Malaysia.** Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.

Zaharah Haji Mahmud (2004) **Traditional Landscapes of the Malays of the Peninsula.** UPSI.

Zulkifly Hanafi dan Nur Huzeima (2002) **Landskap Melayu,** Prosiding Seminar Landskap Melayu Prospek dan Cabaran, Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan, USM.

**LAMPIRAN 1**

Nama: Baharun b. Darius, Kedawang.  
 Alamat: No. 9, Kg. Ulucau, Kampar, Perak.  
 \_\_\_\_\_  
 No. Tel: \_\_\_\_\_

**Inventori nama tumbuhan yang biasanya ditanam mengikut kedudukan laman bagi rumah kampung masyarakat Melayu Johor**


Ruang/ Kedudukan	Jenis Pokok		Catatan
1) Laman Hadapan	Rumput lembu		
	Bunga kertas		
	Buluh cina/ Buluh Pagar		
	Serai		
	Kelapa		
	Bunga Raya		
2) Laman Sisi	Manggis		
	Rambutan		
	Mangga		
	Jambu air		
	Pokok Ceri		
3) Laman Belakang	Sukun	Cili api	
	Nangka	Belimbing asam	
	Belimbing Besi	manggis	
	Lengkuas hutan	durian	
	Lengkuas	Pisang	
	Kelapa	Daun Kesum	
	Serai	Pokok Ciku	
	Betik		
	Limau Bali		
	Limau Purut		
	Limau Kasturi		
	Jambu air		
	Mangga		
	Daun Kari		
	Rambutan		
	Inai		
	Halia		
Kunyit			
Daun Pandan			

## LAMPIRAN 2

Soalan-soalan inventori lanskap Melayu di kawasan kampung di Johor.

1. Apakah kepentingan lanskap kepada kehidupan harian?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah yang difahami dengan Lanskap Melayu?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah elemen-elemen yang biasa terdapat pada persekitaran laman Melayu?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah jenis pokok yang biasa ditanam di kawasan halaman Melayu?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Adakah pokok-pokok ini mempunyai hubungkait dengan kehidupan harian?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Adakah perletakkan pokok-pokok ini mengikut kawasan-kawasan tertentu?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Adakah mudah untuk mengenal pasti sesuatu kawasan itu sebagai lanskap bercirikan Melayu? Jika ya, terangkan.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Apakah nilai-nilai yang terdapat pada lanskap Melayu yang dapat menggambarkan budaya orang Melayu?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Pada pandangan anda, wajarkah satu penyelidikan khusus dijalankan bagi mengenalpasti dan membangunkan lanskap yang bercirikan kemelayuan? Alasannya..?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

# INVENTORI KAWASAN NEGERI JOHOR



**KAJIAN KES**  
kg. sg. kual, kukup, Pontian,  
Johor

**NAMA PEMILIK**  
Andek Makah b. Andek Mawik

## ANALISA TAPAK

### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok kari
- Pokok durian
- Pokok langsung
- Ubi kayu
- Pandan

### 3. PERABOT LAMAN

- Tempayan
- Reban
- Bungsai

### ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI JOHOR

### KAJIAN KES

kg. Lana, Mukim Ayer Hitam

### NAMA PEMILIK

Ishak b. Sabu

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan


#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok kari
- Pokok durian
- Pokok betik
- Ubi kayu
- Pandan
- Keladi
- Sirih

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pasu bunga
- Perun
- Reban
- Bangsal

### ULASAN



## INVENTORI KAWASAN NEGERI JOHOR

### KAJIAN KES






Kg. Teluk Sari, Endau,  
Mersing, Johor

### NAMA PEMILIK

Cik Puan bt. Mohd. Tahir

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok mangga
- Pokok kelapa
- Pandan

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Kolah
- Pangkin
- Pelantar
- Pasu bunga
- Kolam
- Perigi
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Tandas
- Tempayan

### ULASAN

Komponen-komponen laman yang terdapat di kediaman ini tertumpu kepada kegunaan dan keperluan penghuni. Susunatur komponen masih jelas kelihatan berdasarkan ruang-ruang dalam laman rumah.



## INVENTORI KAWASAN NEGERI JOHOR

### KAJIAN KES

Kg. Parit Sameon, Parit Raja,  
Batu Pahat

### NAMA PEMILIK

Abd. Rahman b. Daud

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok mangga
- Pokok kelapa
- Pokok palma
- Pokok pinang
- Pokok bunga kertas

#### 3. PERABOT LAMAN



- Pasu
- Tempayan

### ULASAN

Kediaman ini menumpukan kepada aspek estetika iaitu dekorasi melalui tanaman. Hanya beberapa komponen yang menunjukkan fungsinya terhadap ruang kediaman.



## INVENTORI KAWASAN NEGERI MELAKA



**KAJIAN KES**  
kg. Kuala Linggi

**NAMA PEMILIK**  
Fauziah bt. Jidin

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok mangga
- Pokok kari
- Pokok bunga kertas
- Ubi kayu
- Pandan
- Limau purut
- Cili padi
- Siantan

#### 3. PERABOT LAMAN

- Tempayan
- Guri
- Reban
- Bangsal
- Wakaf
- Pagat
- Kolang

#### ULASAN





## INVENTORI KAWASAN NEGERI MELAKA

### KAJIAN KES

Kg. Gapis Nyalas

### NAMA PEMILIK

Ali b. Sabudin

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok mangga
- Pokok manggis
- Pokok kelapa
- Pokok pisang
- Jambu air
- Jambu batu
- Bunga kertas
- Pandan

#### 3. PERABOT LAMAN


- Pagar
- Pangkin
- Pasu bunga
- Perigi
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Tandas

### ULASAN

Komponen-komponen laman yang terdapat di kediaman ini tertumpu kepada kegunaan dan keperluan penghuni. Susunatur komponen masih jelas kelihatan berdasarkan ruang-ruang dalam laman rumah.



## INVENTORI KAWASAN NEGERI MELAKA



**KAJIAN KES**  
Kg. Lereh, Tanjung Kling,  
Melaka Tengah

**NAMA PEMILIK**  
Hjh. Zainab b. Baba

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok mangga
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pinang
- Pokok pisang
- Pokok bunga kertas
- Keladi
- Sirih

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pasu
- Pagar
- Pelantar bunga
- Perun
- Perigi

#### ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI MELAKA

### KAJIAN KES

Kg. Gadek

### NAMA PEMILIK

Yam bt. Rahmat

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok kari
- Pokok durian
- Pokok langsung
- Ubi kayu
- Pandan

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Kolah
- Pangkin
- Pasu bunga
- Kolam
- Perun
- Reban
- Bangsal

### ULASAN

Pembahagian kawasan dapat dilihat dengan jelas dari elemen perabot yang terdapat di sekitar kediaman, walaupun tanamannya agak kurang teratur.





## INVENTORI KAWASAN NEGERI SEMBILAN

### KAJIAN KES

Kg. Kok Talang, Kuala Pilah

### NAMA PEMILIK

Husin b. Draman

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan



#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok pisang
- Pokok mangga
- Pokok cili padi
- Pokok kari
- Ubi kayu
- sirih

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Pasu bunga
- Kolam
- Perun
- Reban
- Bangsal

### ULASAN





## INVENTORI KAWASAN NEGERI SEMBILAN

### KAJIAN KES

Kg. Bukit Melintang

### NAMA PEMILIK

Rabiah bt. Kamaruddin

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok kari
- Pokok durian
- Pokok langsung
- Ubi kayu
- Pandan

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Pasu bunga
- Kolum
- Perun
- Reban
- Bangsal

### ULASAN

# INVENTORI KAWASAN NEGERI SELANGOR

## KAJIAN KES

Kg. Bagan Nira, Sabak Bernam,  
Selangor

## NAMA PEMILIK

Baharum b. Sulaiman

## ANALISA TAPAK

### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan




### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok mangga
- Pokok pisang
- Pokok puding
- Pokok limau purut
- Pokok durian
- Kunyit
- Keladi

### 3. PERABOT LAMAN

- Pasu bunga
- Titi
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Tempayan
- Tandas


## ULASAN







# INVENTORI KAWASAN NEGERI SELANGOR



## KAJIAN KES

Kg. Seri Lui, Hulu Langat, Selangor

## NAMA PEMILIK

Siti Khadijah bt. Abd. Karim

## ANALISA TAPAK

### 1. KATEGORI TANAMAN

<input type="checkbox"/>	Makanan
<input type="checkbox"/>	Ubatan
<input type="checkbox"/>	Kosmetik
<input type="checkbox"/>	Dekorasi
<input type="checkbox"/>	Teduhan

### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok inai
- Pokok durian
- Pokok cempedak
- Pokok mangga
- Ubi kayu
- Pandan

### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Gerbang
- Pangkin
- Pasu bunga
- Ampaian
- Perun
- Reban
- Bangsal

## ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI SELANGOR



### KAJIAN KES

Kg. Jelutong Indah, Sg. Pelik,  
Sepang, Selangor

### NAMA PEMILIK

Yusof b. Daud

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

<input type="checkbox"/>	Makanan
<input type="checkbox"/>	Ubatan
<input type="checkbox"/>	Kosmetik
<input type="checkbox"/>	Dekorasi
<input type="checkbox"/>	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok pinang
- Pokok manggis
- Pokok mangga
- Pokok durian
- Pokok limau nipis
- Keladi
- Serai

#### 3. PERABOT LAMAN

- Wakaf
- Pangkin
- Pasu bunga
- Titi
- Kolam
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Tandas

### ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI SELANGOR

### KAJIAN KES

Simpang Empat, Permatang, Kuala  
Selangor

### NAMA PEMILIK

Salbiah bt. Omar

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan


#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok belimbing
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok sukun
- Pokok pinang
- Pokok mangga
- Pokok bunga kertas
- Kunyit


#### 3. PERABOT LAMAN

- Para bunga
- Pasu bunga
- Tempayan
- Guri
- Tandas
- Ampaian
- Perun

### ULASAN



## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERAK



### KAJIAN KES

Bt29 1/4, Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak

### NAMA PEMILIK

Zulfakar Abdullah

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok mangga
- Pokok inai
- Pokok langsung


#### 3. PERABOT LAMAN

- Pasu bunga
- Pangkin
- Perun
- Tandas

### ULASAN



## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERAK



### KAJIAN KES

Parit Hj. Wahab, Tanjong Piandang,  
Perak

### NAMA PEMILIK

Abdullah b. Bakri

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok manggis
- Pokok puding
- Pokok kelapa
- Pokok pinang
- Siantan
- Pegaga
- Halia
- Ubi kayu
- Pandan


#### 3. PERABOT LAMAN

- Reban
- Para
- Pasu bunga

### ULASAN

Kediaman ini lebih menumpukan kepada estetika iaitu dengan hiasan tanaman berbunga. Komponen-komponen lanskap yang lain tidak kelihatan, ini berkemungkinan komponen ini tidak digunakan lagi.

## INVENTORI KAWASAN NEGERI KEDAH



### KAJIAN KES

Kg. Permatang Simpur, Bandar  
Baru, Kedah

### NAMA PEMILIK

Halimatun Saadiah bt. Mat Yusof

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok manggis
- Pokok mangga
- Pokok bunga kertas
- Pokok pinang
- Pokok jarum tujuh
- Pokok limau nipis
- Pokok belimbing buluh
- Pokok petai
- Ubi kayu

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pasu bunga
- Tempayan
- Perigi
- Kolah
- Perun
- Bangsal
- Pargola

### ULASAN



## INVENTORI KAWASAN NEGERI KEDAH

### KAJIAN KES

Kg. Kubang Ariang, Kedah

### NAMA PEMILIK

Nayang b. Chik

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan


#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok manggis
- Pokok kelapa
- Pokok belimbing buluh
- Pokok ciku


#### 3. PERABOT LAMAN

- Perigi
- Jelapang
- Pangkin
- Perun
- Tempayan
- Pagar
- Pasu bunga

#### ULASAN



# INVENTORI KAWASAN NEGERI KEDAH



## KAJIAN KES

Kg. Bukit Nyamok, Pendang, Kedah

## NAMA PEMILIK

Omar b. Ariffin

## ANALISA TAPAK

### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok sirih
- Pokok kari
- Ubi kayu
- Pandan

### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Dapur
- Pangkin
- Pasu bunga
- Perigi
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Sarang burung
- Tandas

## ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI KEDAH



### KAJIAN KES

Kg. Paya, Parit Latih, Kubang Pasu,  
Jitra, Kedah

### NAMA PEMILIK

Mohd. Husin b. Ishak

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok cempedak
- Pokok inai
- Pokok pinang

#### 3. PERABOT LAMAN

- Jelapang
- Kolah
- Pangkin
- Tandas
- Perun
- Reban
- Bangsal

### ULASAN

# INVENTORI KAWASAN NEGERI KEDAH



## KAJIAN KES

Kg. Gelam, Langkawi

## NAMA PEMILIK

Zakaria b. Rahim

## ANALISA TAPAK

### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok bunga kertas
- Pokok mangga
- Pokok asam jawa
- Pandan

### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Pangkin
- Pasu bunga
- Serkup ayam
- Perun
- Reban
- Bangsal

## ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERLIS



### KAJIAN KES

Kg. Kg. Bukit Sepat, Perlis

### NAMA PEMILIK

Kes a/p Endin Kau

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok kelapa
- Pokok siantan
- Pokok mangga
- Mengkuang
- Kunyit


#### 3. PERABOT LAMAN

- Tempayan
- Guri
- Perigi
- Perun
- Reban Ayam
- Jelapang

### ULASAN

Terdapat beberapa elemen lanskap di kawasan kediaman ini dan ianya menunjukkan bahawa penumpuan terhadap keperluan kehidupan harian sahaja.

## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERLIS



### KAJIAN KES

Kg. Pengkalan Asam Dalam, Kangar

### NAMA PEMILIK

Bahari b. Bakar

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok ceri
- Pokok kelapa
- Pokok pisang
- Pokok ciku
- Pokok nipah


#### 3. PERABOT LAMAN

- Perigi
- Tandas
- Bangsal
- Perun
- Tempayan
- Guri
- Pasu bunga

### ULASAN

Komponen-komponen lanskap mengikut kesesuaian fungsi bagi keperluan penghuni. Walaupun lokasi di kawasan padi, Jelapang padi tidak terdapat di kawasan ini, disebabkan oleh kemudahan mesin padi dan kilang padi berdekatan.

## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERLIS



### KAJIAN KES

Kg. Sena, Sena, Perlis

### NAMA PEMILIK

Abdullah b. Elang

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

- Makanan
- Ubatan
- Kosmetik
- Dekorasi
- Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN


- Pokok mangga
- Pokok kelapa
- Pokok pinang
- Pokok Asam gelugor
- Pandan
- Sirih

#### 3. PERABOT LAMAN

- Pagar
- Wakaf
- Perigi
- Perun
- Reban
- Tandas

### ULASAN

## INVENTORI KAWASAN NEGERI PERLIS



### KAJIAN KES

Kg. Tengah, Kangar, Perlis

### NAMA PEMILIK

Saad b. Mahmood

### ANALISA TAPAK

#### 1. KATEGORI TANAMAN

	Makanan
	Ubatan
	Kosmetik
	Dekorasi
	Teduhan

#### 2. JENIS TANAMAN

- Pokok rambutan
- Pokok kelapa
- Pokok puding
- Pokok pisang
- Pokok nangka
- Pokok inai
- Pokok pinang
- Cili api

#### 3. PERABOT LAMAN

- Jelapang
- Tandas
- Perun
- Reban
- Bangsal
- Kandang kambing

### ULASAN